KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

TINJAUAN FISKAL DAN ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

2019

FISCAL OUTLOOK AND FEDERAL GOVERNMENT REVENUE ESTIMATES

Kertas Perintah 27 Tahun 2018
MALAYSIA

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT MENURUT PERINTAH

TINJAUAN FISKAL DAN ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN 2019

KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

Setiausaha Bahagian,
Bahagian Fiskal dan Ekonomi,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras 9, Blok Tengah,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya

Faks: 03-88823881
e-mel: bfe@treasury.gov.my

Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Belanjawan Tahunan.

Edisi 2019 diterbitkan pada 2 November 2018.

Naskhah jualan boleh diperoleh daripada:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Jalan Chan Sow Lin,
50554 Kuala Lumpur.
Tel.: 03-92366888/92366894
Faks: 03-92011008/92224773
E-mel: cservice@printnasional.com.my

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:
www.treasury.gov.my

Kulit luar direkabentuk oleh
Bahagian Fiskal dan Ekonomi

PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2018
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

PERDANA MENTERI MALAYSIA

Kata Pengantar

Kemenangan bersejarah yang dicapai oleh rakyat pada 9 Mei 2018 telah memberi peluang kepada sebuah pentadbiran baharu untuk meneraju dan membawa Malaysia kembali kepada kedudukan yang dihormati oleh masyarakat antarabangsa. Satu ketika dahulu kita sebuah negara bergelar Harimau Asia dan gelaran itu meyakinkan kita untuk kita capai *blueprint* Wawasan 2020 yang kita lakar untuk negara kita menjadi Negara Maju menjelang tahun tersebut.

Malangnya, langkah kita beberapa tahun terakhir ini tergelincir dari landasan dan kita seolah-olah hilang halatuju dan perasaan ini amat menekan. Kerana itu, kejayaan pada 9 Mei lalu amatlah bermakna kerana ia seolah-olah memberi cahaya harapan setelah melalui zaman sukar yang kelam.

Bagaimanapun, harapan kepada hari muka yang lebih baik dan bermakna pasti tidak terhenti dengan kemenangan tersebut. Di dalam meneraju perubahan yang kita harap lebih bermakna untuk rakyat, yang paling utama perlu kita tangani ialah kedudukan ekonomi negara yang jelas telah mengalami kerosakan yang amat teruk.

Ia bukan satu situasi yang mahu diwarisi oleh mana-mana kerajaan sekalipun tetapi apabila kita bersetuju menerajui kepimpinan negara maka suka atau tidak, ianya menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memperkenalkan strategi dan dasar-dasar yang boleh membantu mencapai objektif ekonomi yang boleh membawa rakyat keluar dari tekanan-tekanan semasa.

Apa yang kita minta dari rakyat ialah sedikit kefahaman bahawa kerosakan yang berlaku amat teruk dan memerlukan juga sedikit kesabaran dalam tempoh usaha-usaha mencari penyelesaian dijalankan oleh Kerajaan.

Walaupun Malaysia hanya sebuah ekonomi kecil, ianya terbuka dan persekitaran ekonomi global yang semakin mencabar membuat Malaysia terdedah kepada risiko luar terutamanya akibat ketegangan perdagangan yang terus memuncak dan peralihan dasar monetari dalam kalangan negara maju. Namun begitu, Kerajaan yakin momentum pertumbuhan ekonomi domestik kekal kukuh meskipun pada kadar sederhana. Sektor swasta pula perlu terus memacu ekonomi domestik dan Kerajaan memberi komitmen akan terus menyokong dan memudah aktiviti ekonomi serta meningkatkan daya saing negara melalui dasar fiskal dan monetari yang mampan.

Kerajaan telah melaksanakan perubahan dasar secara berperingkat bagi mencorak hala tuju baharu dan sedang melalui beberapa siri peralihan untuk menyokong inisiatif pembaharuan fiskal bagi memperkukuh pengurusan kewangan awam. lnisiatif pembaharuan ini penting bagi memastikan kestabilan makroekonomi dalam melaksanakan agenda pembangunan negara. Tanggungjawab ini merupakan satu tugas yang mencabar dan Kerajaan perlu memperteguh disiplin fiskal selaras dengan keperluan untuk mengimbangi kapasiti pendapatan dan komitmen perbelanjaan serta mengurangkan kedudukan hutang dan liabiliti Kerajaan yang telah mencecah RM1 trilion.

Berdasarkan hala tuju baharu terhadap pembaharuan fiskal, peralihan serta-merta yang dilaksanakan dalam jangka masa pendek diharap dapat menghasilkan kesan positif dalam jangka masa sederhana. Kerajaan komited untuk terus memberi penekanan kepada tadbir urus yang baik dan cekap dalam pengurusan dasar fiskal bagi memperkukuh kewangan awam. Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk menambah baik rangka kerja tadbir urus terutamanya dari segi perundangan bagi meningkatkan pengawasan pentadbiran fiskal dalam aspek meningkatkan kecekapan dan mengurangkan ketirisan. Rangka kerja dan piawaian ini akan terus ditanda aras mengikut taraf dan amalan terbaik antarabangsa.

Penerbitan buku Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan buat julung kalinya ini sejajar dengan aspirasi untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Dokumen baharu ini juga melengkapi Belanjawan pertama di bawah pentadbiran Pakatan Harapan dengan matlamat menyampaikan maklumat berkaitan pengurusan fiskal Kerajaan yang lebih komprehensif. Penerbitan ini diharap dapat meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai isu isu dan perkembangan berkaitan kewangan awam.

Dalam mencapai matlamat untuk memperkukuh kedudukan kewangan negara, Kerajaan sentiasa berhemat dan lebih teliti dalam membuat sebarang keputusan dasar demi menjaga kepentingan rakyat dan negara. lni penting supaya penarafan negara kekal sekurang-kurangnya pada gred pelaburan 'A'. Sehubungan itu, diharapkan Malaysia akan terus menjadi sebuah negara mesra pelabur dan perniagaan terutamanya untuk menarik pelaburan bernilai tambah tinggi bagi menyokong pertumbuhan inklusif dan berkualiti. Untuk mencapai semua ini Kerajaan akan mengekalkan disiplin fiskal dan berusaha mengurangkan hutang negara demi kesejahteraan generasi kini dan akan datang.

Terima kasih.

Dr. Mahathir Bin Mohamad
2 November 2018

MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

Prakata

Pada 9 Mei 2018, rakyat Malaysia telah memberikan mandat kepada Kerajaan baharu selama tempoh 5 tahun untuk memperbaharui institusi awam berorentasikan perkhidmatan serta melaksanakan pembaharuan institusi, terutamanya berkaitan konsolidasi fiskal untuk memulihkan displin fiskal. Kerajaan baharu kini sedang melaksanakan beberapa siri pembaharuan untuk memulihkan kedudukan kewangan, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan meneruskan program sosioekonomi serta agenda pembangunan yang menyokong pertumbuhan, meningkatkan peluang pekerjaan tanpa meminggirkan golongan miskin demi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Penerbitan dokumen Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan buat kali pertama ini bertujuan menyampaikan maklumat terkini dan dasar fiskal Kerajaan jangka sederhana. Berteraskan prinsip Kecekapan, Akauntabiliti dan Ketelusan (CAT), dokumen ini membuktikan usaha berterusan Kementerian Kewangan dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kedudukan fiskal Kerajaan. Pelaporan yang lebih komprehensif akan meningkatkan kejelasan dan kepastian, sekaligus meningkatkan keyakinan rakyat terutamanya di kalangan komuniti perniagaan.

Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif pembaharuan institusi bagi meningkatkan kecekapan hasil dan perbelanjaan dengan struktur pengurusan kewangan yang lebih telus. Penubuhan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai akan mengkaji semula sistem percukaian negara secara komprehensif supaya kutipan cukai lebih efisien, adil dan progresif, serta pada masa yang sama mengurangkan ketirisan dan pengelakan cukai. Sementara itu, Jawatankuasa Kewangan Awam dipertanggungjawab untuk mengimbangi usaha konsolidasi fiskal Kerajaan dalam jangka masa sederhana agar perbelanjaan lebih bersasar dapat menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat.

Kerajaan juga sedang memperkemas agensi, menambahbaik proses perolehan dengan melaksanakan tender terbuka secara lebih meluas serta mengkaji semula projek infrastruktur awam. Kerajaan akan terus memperkasa model kerjasama awam swasta bagi meningkatkan keberkesanan perbelanjaan awam. Pihak swasta akan dilibatkan untuk melaksanakan projek infrastruktur awam, dan mengendalikan kemudahan tersebut tanpa sebarang komitmen kewangan dari pihak Kerajaan. Kerjasama 4P yang melibatkan sektor awam, swasta dan profesional dengan penglibatan erat rakyat akan membantu meningkatkan displin fiskal Kerajaan dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah ekonomi keusahawanan.

Langkah lain termasuk termasuk mengiktiraf beberapa liabiliti *off-budget* sebagai sebahagian daripada obligasi Kerajaan serta menyediakan peruntukan tahunan untuk bayaran khidmat hutang bagi syarikat berkaitan kerajaan seperti 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Pelaporan beberapa komitmen kewangan yang terlindung, seperti tunggakan bayaran balik cukai GST dan cukai pendapatan akan memberi rakyat gambaran yang lebih menyeluruh mengenai obligasi kewangan Kerajaan sejajar dengan permintaan rakyat untuk meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan di dalam era Malaysia Baharu.

Walaupun Kerajaan kini menghadapi pelbagai cabaran fiskal yang berbangkit dari penyalahgunaan kuasa yang terdahulu, fundamental ekonomi Negara masih kukuh. Asas ekonomi yang kukuh ini membolehkan Kerajaan untuk meneruskan inisiatif pembaharuan institusi bagi meningkatkan potensi ekonomi negara dalam jangka masa sederhana tanpa menjejaskan perbelanjaan awam. Dengan memulihkan kedudukan fiskal negara dan menunaikan janji-janji Kerajaan, kita mampu mengembalikan keyakinan dan kemakmuran kepada negara Malaysia yang tercinta.

Sayangi Malaysiaku!



Lim Guan Eng
2 November 2018

BELANJAWAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2019

DARI MANA DATANGNYA



KE MANA DIBELANJAKAN



[1] Terdiri daripada hasil, pinjaman dan penggunaan aset Kerajaan.
[2] Tidak termasuk simpanan luar jangka.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

MALAYSIA: PERANGKAAN PENTING DAN UNJURAN
MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST

LUAS KAWASAN (Kilometer persegi)
AREA *(Square kilometres)*

Malaysia	Semenanjung Malaysia[1] *Peninsular Malaysia[1]*	Sarawak	Sabah[2]
330,548	**132,105**	**124,450**	**73,994**

	2017[5]		2018[6]		2019[7]	
PENDUDUK (juta) ***POPULATION*** *(million)*	**32.0**		**32.4**		**33.3**	
	RM juta *RM million*	% perubahan *% change*	RM juta *RM million*	% perubahan *% change*	RM juta *RM million*	% perubahan *% change*
PENGELUARAN DALAM NEGERI ***DOMESTIC PRODUCTION***						
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga malar 2010) ***Gross Domestic Product*** *(constant 2010 prices)*	**1,174,329**	***5.9***	**1,230,336**	***4.8***	**1,290,734**	***4.9***
Pertanian *Agriculture*	95,968	*7.2*	95,748	*-0.2*	98,721	*3.1*
Perlombongan dan kuari *Mining and quarrying*	98,436	*1.0*	97,828	*-0.6*	98,464	*0.7*
Pembuatan *Manufacturing*	269,804	*6.0*	283,132	*4.9*	296,353	*4.7*
Pembinaan *Construction*	53,574	*6.7*	55,977	*4.5*	58,581	*4.7*
Perkhidmatan *Services*	639,568	*6.2*	679,870	*6.3*	719,837	*5.9*
Duti import *Import duties*	16,980	*13.0*	17,783	*4.7*	18,777	*5.6*
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga semasa) ***Gross Domestic Product*** *(current prices)*	**1,353,380**	***9.9***	**1,431,392**	***5.8***	**1,530,315**	***6.9***
Perbelanjaan penggunaan akhir: Awam *Final consumption expenditure: Public*	164,671	*6.3*	167,372	*1.6*	171,728	*2.6*
Swasta *Private*	748,857	*10.9*	816,213	*9.0*	896,704	*9.9*
Pembentukan modal tetap kasar: Awam[3] *Gross fixed capital formation: Public[3]*	107,395	*1.8*	106,696	*-0.7*	101,941	*-4.5*
Swasta *Private*	234,824	*11.1*	247,110	*5.2*	263,885	*6.8*
Perubahan inventori dan barangan berharga *Changes in inventories and valuables*	3,683	-	-4,638	-	952	-
Eksport barangan dan perkhidmatan *Exports of goods and services*	966,174	*15.8*	998,101	*3.3*	1,028,202	*3.0*
Import barangan dan perkhidmatan *Imports of goods and services*	872,223	*16.1*	899,461	*3.1*	933,098	*3.7*
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN NEGARA ***NATIONAL INCOME AND EXPENDITURE***						
Pendapatan Negara Kasar (harga malar 2010) ***Gross National Income*** *(constant 2010 prices)*	**1,151,288**	***6.0***	**1,204,667**	***4.6***	**1,265,386**	***5.0***
Pendapatan Negara Kasar (harga semasa) ***Gross National Income*** *(current prices)*	**1,317,027**	***10.1***	**1,390,507**	***5.6***	**1,489,171**	***7.1***
Tabungan Negara Kasar (harga semasa) ***Gross National Savings*** *(current prices)*	**386,177**	***11.0***	**387,759**	***0.4***	**400,774**	***3.4***
Pendapatan Per Kapita (harga semasa, RM) ***Per Capita Income*** *(current prices, RM)*	**41,128**	***8.7***	**42,937**	***4.4***	**44,686**	***4.1***

MALAYSIA: PERANGKAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)
MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST (cont'd)

	2017		2018[8]		2019[9]	
	RM juta *RM million*	% perubahan *% change*	RM juta *RM million*	% perubahan *% change*	RM juta RM million	% perubahan *% change*
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN ***FEDERAL GOVERNMENT FINANCE***						
Hasil *Revenue*	220,406	*3.8*	236,460	*7.3*	261,814	*10.7*
Perbelanjaan mengurus *Operating expenditure*	217,695	*3.6*	235,450	*8.2*	259,850	*10.4*
Baki semasa *Current balance*	2,711		1,010		1,964	
Perbelanjaan pembangunan (bersih) *Development expenditure (net)*	43,032	*5.9*	54,337	*26.3*	54,044	*-0.5*
Baki keseluruhan ***Overall balance***	**-40,321**		**-53,327**		**-52,080**	
% KDNK *% of GDP*	*-3.0*		*-3.7*		*-3.4*	
Pinjaman dalam negeri (bersih) *Domestic borrowings (net)*	40,750		51,973[10]		-	
Pinjaman luar pesisir (bersih) *Offshore borrowings (net)*	-342		-293		-	
Perubahan aset *Change in assets*	-87		-353		-	
		% KDNK % GDP		% KDNK % GDP		
Hutang Kerajaan Persekutuan[4] ***Federal Government Debt[4]***	**686,837**	***50.7***	**725,241**	***50.7***	**-**	**-**
Hutang dalam negeri ***Domestic debt***	**665,572**	***49.1***	**704,101**	***49.2***	**-**	**-**
Bil Perbendaharaan *Treasury bills*	4,500	*0.3*	7,500	*0.5*	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia *Malaysian Government Investment Issues*	268,000	*19.8*	291,500	*20.4*	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia *Malaysian Government Securities*	364,672	*26.9*	376,701	*26.3*	-	-
Sukuk Perumahan Kerajaan *Government Housing Sukuk*	28,400	*2.1*	28,400	*2.0*	-	-
Pinjaman luar pesisir ***Offshore borrowings***	**21,265**	***1.6***	**21,140**	***1.5***	**-**	**-**
Pinjaman pasaran *Market loans*	15,580	*1.2*	15,527	*1.1*	-	-
Pinjaman projek *Project loans*	5,685	*0.4*	5,613	*0.4*	-	-

[1] Termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.
[2] Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.
[3] Termasuk pelaburan oleh syarikat awam.
[4] Pada 2018, data adalah sehingga akhir Jun 2018.
[5] Awalan.
[6] Anggaran.
[7] Unjuran.
[8] Anggaran disemak.
[9] Anggaran belanjawan, tidak termasuk langkah Belanjawan 2019.
[10] Tidak termasuk terbitan bersih bil Perbendaharaan sebanyak RM2 bilion.
Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

[1] Includes the Federal Territory of Kuala Lumpur and Federal Territory of Putrajaya.
[2] Includes the Federal Territory of Labuan.
[3] Includes investment of public corporations.
[4] For 2018, data is at end-June 2018.
[5] Preliminary.
[6] Estimate.
[7] Forecast.
[8] Revised estimate.
[9] Budget estimate, excluding 2019 Budget measures.
[10] Excludes net Treasury bills issuance of RM2 billion.
Note: Total may not add up due to rounding.

Kandungan

		Muka Surat
KATA PENGANTAR		iii
PRAKATA		v
AKRONIM DAN SINGKATAN		xiii
SEKSYEN 1	PERSPEKTIF KESELURUHAN DASAR FISKAL	
	Perspektif Keseluruhan	3
	Pendirian Fiskal	4
	Rencana – Keperluan Pembaharuan Fiskal	5
	Prestasi 2018	8
	Tinjauan 2019	9
	Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2019 – 2021	10
SEKSYEN 2	HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN	
	Perspektif Keseluruhan	15
	Prestasi 2018	15
	Sisipan – Pengenalan Semula Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan	16
	Tinjauan 2019	22
SEKSYEN 3	PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
	Perspektif Keseluruhan	27
	Prestasi 2018	27
	Tinjauan 2019	29
	Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan	32
SEKSYEN 4	PENGURUSAN HUTANG	
	Perspektif Keseluruhan	37
	Pembiayaan	37
	Hutang Kerajaan Persekutuan	38
	Hutang Luar	41
	Hutang Sektor Awam	42
	Tinjauan 2019	42
SEKSYEN 5	RISIKO FISKAL DAN LIABILITI	
	Perspektif Keseluruhan	47
	Rencana – Pengurusan Risiko Fiskal	47
	Jaminan Kerajaan	52
	Kerjasama Awam Swasta	53
	Kedudukan Hutang dan Liabiliti	54
SEKSYEN 6	SEKTOR AWAM DISATUKAN	
	Kerajaan Negeri	59
	Kerajaan Am	60
	Syarikat Awam Bukan Kewangan	60
	Sektor Awam Disatukan	61

Muka Surat

JADUAL

Jadual 1.1.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan	3
Jadual 1.2.	Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF)	10
Jadual 2.1.	Hasil Kerajaan Persekutuan	15
Jadual 3.1.	Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek	28
Jadual 3.2.	Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor	32
Jadual 4.1.	Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	37
Jadual 4.2.	Garis Panduan Perundangan dan Pentadbiran Hutang	39
Jadual 4.3.	Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Instrumen	40
Jadual 4.4.	Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Pemegang	41
Jadual 4.5.	Hutang Luar	42
Jadual 4.6.	Hutang Sektor Awam	43
Jadual 5.1.	10 Jaminan Pinjaman Utama	52
Jadual 5.2.	Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan	54
Jadual 6.1.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan	59
Jadual 6.2.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Am Disatukan	60
Jadual 6.3.	Kedudukan Kewangan SABK Disatukan	60
Jadual 6.4.	Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan	61

RAJAH

Rajah 1.1.	Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan	11
Rajah 1.2.	Baki Semasa Kerajaan Persekutuan	11
Rajah 1.3.	Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan	11
Rajah 2.1.	Peratusan Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum	23
Rajah 2.2.	Hasil Sebagai Peratusan KDNK	23
Rajah 3.1.	Jumlah Perbelanjaan Mengikut Sektor	34
Rajah 3.2.	Perbelanjaan Mengurus Mengikut Objek	34
Rajah 3.3.	Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Sektor	34
Rajah 3.4.	Perbelanjaan Mengurus Mengikut Kementerian dan Agensi	34
Rajah 3.5.	Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Kementerian dan Agensi	34
Rajah 3.6.	Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Mengikut Penghutang	34
Rajah 4.1.	Komposisi Hutang Kerajaan Persekutuan	44
Rajah 4.2.	Terbitan Mengikut Tempoh Kematangan	44
Rajah 4.3.	Nisbah Bidaan kepada Terbitan (BTC) MGS dan MGII	44
Rajah 4.4.	Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Pemegangan	44
Rajah 4.5.	Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia	44
Rajah 4.6.	Pemegangan Hutang dalam Denominasi Ringgit oleh Bukan Pemastautin	44
Rajah 5.1.	Jaminan Pinjaman Terkumpul	55
Rajah 5.2.	Jaminan Pinjaman Terkumpul Mengikut Sektor	55
Rajah 5.3.	Profil Kematangan Jaminan Pinjaman	55
Rajah 5.4.	Obligasi PPP Terkumpul Mengikut Sektor	55
Rajah 6.1.	Aset dan Liabiliti SABK	61

STATISTIK KEWANGAN AWAM 137

MEMORANDUM PERBENDAHARAAN MENGENAI ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2019 155

AKRONIM DAN SINGKATAN

AS	Amerika Syarikat
BLMOT	Bina-Pajak-Selenggara-Kendali-Pindah
BLMT	Bina-Pajak-Selenggara-Pindah
BLT	Bina-Pajak-Pindah
BOO	Bina-Kendali-Milik
BOT	Bina-Kendali-Pindah
BR1M	Bantuan Rakyat 1Malaysia
BSH	Bantuan Sara Hidup
CBU	complete-built-up
CITA	cukai pendapatan syarikat
CKHT	cukai keuntungan harta tanah
CPS	sektor awam disatukan
DanaInfra	DanaInfra Nasional Berhad
DE	perbelanjaan pembangunan
DSC	bayaran khidmat hutang
ECRL	Landasan Keretapi Pantai Timur
EDTP	Projek Landasan Berkembar Elektrik
EEV	kenderaan cekap tenaga
EIU	The Economist Intelligence Unit
ESSCOM	Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah
F&B	makanan dan minuman
FPC	Jawatankuasa Dasar Fiskal
GG	jaminan kerajaan
GIRN	Rangkaian Radio Bersepadu Kerajaan
GLC	syarikat berkaitan kerajaan
GST	Cukai Barang dan Perkhidmatan
ICT	teknologi maklumat dan komunikasi
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
IPSAS	International Public Sector Accounting Standards
IR 4.0	Revolusi Industri 4.0
JICA	Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun
JKDM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
KWAP	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
LPPSA	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
LRT	transit aliran ringan
MAA	Persatuan Automotif Malaysia
MGII	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
MITB	Bil Perbendaharaan Islam Malaysia
MRT	transit aliran massa
MTB	Bil Perbendaharaan Malaysia
MTFF	Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana
MTIB	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
MyGov*Net	Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan

OE	perbelanjaan mengurus
OECD	Organisation for Economic Co-operation and Development
OPR	Kadar Dasar Semalaman
PBLT	Pembinaan BLT Sdn Bhd
PERDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang
PETRONAS	Petroliam Nasional Berhad
PFI	inisiatif pembiayaan swasta
PIC	Kompleks Bersepadu Pengerang
PITA	cukai pendapatan petroleum
PKS	perusahaan kecil dan sederhana
PPP	kerjasama awam swasta
PPR	Projek Perumahan Rakyat
PR1MA	Perbadanan PR1MA Malaysia
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
R&D	Penyelidikan dan Pembangunan
RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
SABK	syarikat awam bukan kewangan
SPV	syarikat bertujuan khas
SST	Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan
TEKUN	Tabung Ekonomi Usahawan Nasional
TVET	pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional

SEKSYEN 1:

PERSPEKTIF KESELURUHAN DASAR FISKAL

- Perspektif Keseluruhan
- Pendirian Fiskal

  Rencana – Keperluan Pembaharuan Fiskal
- Prestasi 2018
- Tinjauan 2019
- Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2019 – 2021

SEKSYEN 1: PERSPEKTIF KESELURUHAN DASAR FISKAL

Perspektif Keseluruhan

Dasar fiskal kukuh merupakan prasyarat bagi mencapai kestabilan makroekonomi dan agenda pembangunan negara yang mampan. Dasar ini bukan hanya berkaitan kecekapan hasil dan perbelanjaan tetapi turut merangkumi struktur institusi dan tadbir urus; pelaporan telus dan berkualiti; penggubalan dasar yang mempunyai kredibiliti dan mampan; dan pengurusan risiko yang berkesan. Dasar fiskal Malaysia bertujuan meningkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi, memastikan pertumbuhan mampan serta meningkatkan kesejahteraan rakyat. Pada masa sama, Kerajaan perlu memperkukuh kedudukan kewangan dengan memperluas asas hasil dan mengoptimumkan perbelanjaan. Langkah ini dapat mewujudkan ruang fiskal untuk melaksanakan langkah kitaran balas bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan memastikan paras hutang yang mampan.

Kerajaan komited meningkatkan kedudukan kewangan awam ke tahap yang lebih baik berdasarkan tiga prinsip utama iaitu kecekapan, akauntabiliti dan ketelusan. Dalam hal ini, disiplin dan akauntabiliti fiskal penting untuk diterapkan bagi memastikan pengurusan fiskal yang berhemat. Berdasarkan prinsip tersebut, Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif yang berkaitan dengan pendedahan maklumat kewangan, pengoptimuman perbelanjaan dan peningkatan hasil.

Pelaksanaan projek pelaburan awam melalui pendekatan *off-budget* seperti instrumen jaminan kerajaan dan kaedah kerjasama awam swasta merupakan amalan terbaik yang dilaksanakan oleh negara maju. Pendekatan ini sesuai dilaksanakan kerana melibatkan keperluan modal yang tinggi dan tempoh mendapatkan pulangan balik pelaburan yang panjang terutamanya untuk projek pengangkutan awam. Walau bagaimanapun, bagi menggambarkan kedudukan fiskal yang lebih telus, Kerajaan telah mengenal pasti dan melaporkan beberapa komitmen *off-budget* yang tidak selari dengan amalan terbaik serta mempunyai implikasi fiskal sebagai sebahagian daripada tanggungjawab langsung Kerajaan. Di samping itu, pembayaran khidmat hutang serta perbelanjaan pembangunan beberapa syarikat berkaitan Kerajaan melalui pendekatan *off-budget* turut diambil kira dalam belanjawan tahunan. Justeru, pendekatan ini akan memastikan pembuatan keputusan lebih bertanggungjawab dari aspek fiskal terutama keputusan yang melibatkan implikasi kewangan signifikan dan bagi tempoh jangka masa panjang.

Jadual 1.1. Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2017 – 2019

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)		
	2017	**2018[1]**	**2019[2]**	**2017**	**2018[1]**	**2019[2]**	**2017**	**2018[1]**	**2019[2]**
Hasil	220,406	236,460	261,814	*3.8*	*7.3*	*10.7*	*16.3*	*16.5*	*17.1*
Perbelanjaan mengurus	217,695	235,450	259,850	*3.6*	*8.2*	*10.4*	*16.1*	*16.4*	*17.0*
Baki semasa	**2,711**	**1,010**	**1,964**				***0.2***	***0.1***	**0.1**
Perbelanjaan pembangunan kasar	44,884	54,900	54,700	*6.9*	*22.3*	*-0.4*	*3.3*	*3.8*	*3.6*
Tolak: Terimaan balik pinjaman	1,852	563	656	*37.6*	*-69.6*	*16.5*	*0.1*	*0.0*	*0.0*
Perbelanjaan pembangunan bersih	43,032	54,337	54,044	*5.9*	*26.3*	*-0.5*	*3.2*	*3.8*	*3.5*
Baki Keseluruhan	**-40,321**	**-53,327**	**-52,080**				***-3.0***	***-3.7***	***-3.4***
Tolak: Bayaran khidmat hutang	27,863	30,882	33,000	*5.2*	*10.8*	*6.9*	*2.1*	*2.2*	*2.2*
Baki primer	**-12,458**	**-22,445**	**-19,080**				***-0.9***	***-1.6***	***-1.2***

[1] Anggaran disemak.
[2] Anggaran Belanjawan, tidak termasuk langkah Belanjawan 2019.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

Kerajaan juga sedang mengambil langkah mengoptimumkan perbelanjaan secara lebih menyeluruh dengan memberi tumpuan kepada mengelakkan pembaziran dan ketirisan di samping memastikan pelaksanaan program dan projek terus menyokong pertumbuhan. Beberapa langkah utama termasuk menyusun semula fungsi kementerian dan agensi; mengecilkan skop serta menamatkan program dan projek yang kurang keutamaan selain mempunyai kesan pengganda ekonomi yang rendah; dan menambah baik dasar perolehan Kerajaan termasuk mengkaji semula klausa dan terma kontrak untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kontrak. Selain itu, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kewangan Awam yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan dengan keahlian terdiri daripada Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Gabenor Bank Negara Malaysia dan pegawai kanan Kerajaan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan dan pelaksanaan pelbagai inisiatif fiskal. Jawatankuasa ini akan melapor dapatan dan mencadangkan langkah berkaitan fiskal kepada Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri untuk perbincangan lanjut terutamanya perkara berkaitan agenda pembangunan nasional.

Dari aspek peningkatan hasil, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai bagi melaksanakan kajian menyeluruh mengenai sistem percukaian Malaysia termasuk insentif cukai dan meneroka sumber pendapatan baharu yang mampan. Tanggungjawab utama jawatankuasa ini adalah untuk merapatkan jurang cukai dan meningkatkan kecekapan percukaian bagi meningkatkan kutipan hasil cukai selari dengan kadar pertumbuhan ekonomi. Kerajaan juga telah memperkenalkan semula Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) di samping meningkatkan peruntukan untuk pembayaran balik cukai pendapatan.

Secara keseluruhan, Kerajaan perlu menetapkan semula haluan konsolidasi fiskal mulai 2018 dengan mengambil kira asas hasil yang lebih rendah, peruntukan tambahan untuk perbelanjaan *off-budget* dan pembayaran balik cukai. Sehubungan itu, sasaran defisit fiskal bagi 2018 disemak semula pada kadar lebih tinggi. Walau bagaimanapun, perlu diambil perhatian bahawa semakan tersebut disebabkan oleh hala tuju dasar baharu di samping mengambil kira pelarasan fiskal jangka masa pendek. Kerajaan akan meneruskan semula konsolidasi fiskal mulai 2019 selaras dengan komitmen untuk memperkukuh kewangan awam. Asas ekonomi yang mantap, sektor kewangan yang stabil dan modal mencukupi disokong oleh tadbir urus fiskal yang lebih baik akan menyediakan platform yang teguh dalam memperkukuh kedudukan kewangan Kerajaan.

Pendirian Fiskal

Kerajaan akan terus melaksanakan dasar fiskal berkembang iaitu jumlah dibelanjakan dalam ekonomi adalah lebih tinggi berbanding jumlah kutipan hasil. Pendirian tersebut adalah wajar mengambil kira tahap simpanan domestik negara yang tinggi. Mudah tunai tinggi dalam pasaran kewangan tempatan menyediakan ruang mencukupi untuk sektor swasta meningkatkan pelaburan tanpa menghadapi masalah mendapatkan pembiayaan disebabkan pinjaman sektor Kerajaan. Selain itu, pelabur tempatan juga akan mendapat manfaat daripada terbitan hutang Kerajaan berikutan kadar pulangan yang stabil.

Bagi pengurusan kewangan jangka masa terdekat, Kerajaan telah menyemak semula dasar pelaburan infrastruktur awam terutamanya projek mega seperti landasan Rel Pantai Timur, Rel Berkelajuan Tinggi, Trans-Sabah Gas Pipeline dan Multi-Product Pipeline. Sementara itu, projek infrastruktur awam lain masih dilaksanakan dengan struktur kos yang disemak semula. Langkah ini bertujuan mengimbangi antara komitmen masa hadapan dan kedudukan kewangan Kerajaan serta keutamaan projek. Walau bagaimanapun, dasar pelaburan keseluruhan kekal mesra pelabur terutama bagi aktiviti pelaburan swasta dengan nilai ditambah tinggi. Kerajaan akan memastikan tahap pelaburan awam baharu akan menghasilkan faedah sosioekonomi yang diharapkan. Justeru, tumpuan akan diberikan kepada kualiti dan outcome perbelanjaan berbanding kuantiti dan output.

Kerajaan yakin pendirian fiskal semasa adalah sesuai bagi menyokong agenda pembangunan dan ekonomi negara. Kerajaan akan terus berusaha meningkatkan daya saing global, daya tahan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Inisiatif yang di ambil akan menyediakan asas yang kukuh demi mencapai kewangan Kerajaan yang lebih sihat dan mampan.

Rencana

Keperluan Pembaharuan Fiskal

Pendahuluan

Dasar fiskal secara umumnya merujuk kepada penggunaan perbelanjaan dan hasil cukai kerajaan untuk mencapai objektif makroekonomi. Bagi negara membangun, dasar fiskal lebih menumpukan kepada pertumbuhan ekonomi, pewujudan peluang pekerjaan dan penambahbaikan agihan pendapatan serta memastikan keseimbangan objektif tersebut. Pelaksanaan dasar fiskal yang baik penting bagi menyediakan persekitaran perniagaan kondusif, mencapai kesejahteraan sosioekonomi dan mewujudkan ruang fiskal untuk melaksanakan langkah kitaran balas semasa krisis.

Malaysia telah mencapai kemajuan ekonomi yang signifikan dari segi membasmi kemiskinan, membina infrastruktur bertaraf dunia dan menjadi negara perdagangan utama. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan Pendapatan Negara Kasar per kapita meningkat daripada RM5.1 bilion dan RM788 pada 1957 kepada RM1,353.4 bilion dan RM41,128 pada 2017. Pencapaian ini antara lain disumbangkan oleh dasar fiskal berkembang yang menyokong agenda pembangunan negara. Hasil pelaksanaan dasar fiskal tersebut, hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir 2017 berjumlah RM686.8 bilion atau 50.7% daripada KDNK. Di samping itu, liabiliti dalam bentuk jaminan Kerajaan yang komited, kerjasama awam swasta dan tanggungan inisiatif pembiayaan swasta berjumlah sekitar RM400 bilion atau 30% daripada KDNK. Keseluruhannya, jumlah hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1,087 bilion atau 80.3% daripada KDNK.

Secara ringkas, faktor utama menyumbang kepada paras hutang tinggi sesebuah kerajaan adalah perbelanjaan dan pinjaman kerajaan yang berlebihan serta pengelakan cukai yang tinggi. Paras hutang yang tinggi boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi kerana komitmen kerajaan untuk membayar hutang akan mengurangkan ruang fiskal untuk perbelanjaan yang produktif. Kerajaan akan kekurangan dana untuk agenda pembangunan sosioekonomi serta mempunyai kapasiti terhad bagi melaksanakan langkah kitaran balas semasa krisis ekonomi. Beberapa negara Eropah yang mempunyai paras hutang tinggi telah mengalami kemerosotan ekonomi berpanjangan selepas krisis kewangan global pada 2007 dan 2008 (The Economist Intelligence Unit - EIU). Justeru, Kerajaan telah memulakan inisiatif untuk menurunkan hutang dan liabiliti ke paras lebih mampan di samping mengekalkan ketahanan dan daya saing ekonomi. Langkah ini memerlukan Kerajaan melaksanakan instrumen dasar fiskal semasa secara lebih teliti dan berhemat selain melakukan pembaharuan fiskal yang komprehensif.

Pembaharuan Fiskal dan Pengalaman Negara Lain

Pembaharuan fiskal secara asasnya merujuk kepada pelarasan perbelanjaan kerajaan atau hasil cukai atau gabungan perbelanjaan dan hasil cukai untuk mencapai kedudukan fiskal yang lebih baik dari aspek paras defisit atau hutang. Pembaharuan fiskal berkesan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dan mempunyai kebarangkalian lebih besar untuk dicapai apabila pembaharuan tersebut merangkumi aspek hasil dan perbelanjaan (IMF, 2015). Justeru, pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi akan mengukuhkan kedudukan fiskal melalui peningkatan hasil.

Berdasarkan pengalaman negara di seluruh dunia, tidak terdapat sebarang rangka kerja yang standard untuk pembaharuan fiskal. Pembaharuan yang dijalankan mengambil kira ciri fiskal dan ekonomi yang unik bagi setiap negara. Sebahagian daripada pembaharuan tersebut hanya menyentuh aspek perbelanjaan atau hanya aspek hasil cukai. Walau bagaimanapun, terdapat juga pembaharuan yang merangkumi aspek perbelanjaan dan hasil cukai. Momentum dan kadar kejayaan pembaharuan fiskal juga berbeza bergantung kepada faktor seperti keadaan prestasi ekonomi semasa pembaharuan dan pembaharuan fiskal yang komprehensif (McDermott & Wescott, 1997).

Langkah pembaharuan fiskal yang dilaksanakan oleh beberapa negara Eropah terutamanya pasca krisis kewangan global merangkumi seperti berikut:

- Rasionalisasi sektor awam;
- Sistem keselamatan sosial baharu;
- Pembaharuan mekanisme cukai untuk mengekang pelarian cukai;
- Penambahbaikan persekitaran perniagaan bagi menggalakkan pelaburan swasta; dan
- Meluluskan undang-undang untuk memastikan ketelusan dan kawalan ke atas akaun kerajaan serantau.

Menurut Kolev & Matthes (2013) terdapat beberapa pengajaran utama berdasarkan pengalaman pembaharuan fiskal terdahulu seperti berikut:

- Peningkatan cukai lebih menjejaskan pertumbuhan ekonomi berbanding pemotongan perbelanjaan;
- Pembaharuan melalui pemotongan perbelanjaan mempunyai kebarangkalian lebih tinggi untuk berjaya dan kekal berpanjangan berbanding pembaharuan melalui peningkatan cukai;
- Semakan perbelanjaan yang komprehensif perlu untuk mengenal pasti potensi kecekapan tanpa menjejaskan keberkesanan perbelanjaan kerajaan;
- Pemotongan perbelanjaan secara seragam perlu dielakkan kerana boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang;
- Negara yang mempunyai ruang fiskal mencukupi harus mensasarkan penyesuaian fiskal secara berperingkat;
- Pertumbuhan ekonomi dan penurunan kadar faedah mempunyai kesan positif ke atas kadar kejayaan pembaharuan;
- Dialog sosial dan sokongan masyarakat merupakan faktor penting dalam memastikan kejayaan pembaharuan fiskal; dan
- Komitmen pembaharuan fiskal perlu mempunyai fleksibiliti menghadapi situasi luar jangka bagi membolehkan penyelarasan pembaharuan fiskal dilaksanakan.

Malaysia Melangkah ke Hadapan – Inisiatif Pembaharuan Fiskal

Mengambil kira magnitud kesan negatif krisis global kepada negara yang mempunyai paras hutang tinggi maka sudah tiba masanya Kerajaan melaksanakan langkah pembaharuan fiskal secara proaktif. Pengalaman negara lain berkaitan pelaksanaan dasar dan pembaharuan fiskal menjadi rujukan penting kepada Kerajaan dalam menerima pakai dan mengadaptasi amalan terbaik berkaitan inisiatif pembaharuan fiskal. Pembaharuan ini akan memperkukuh kedudukan fiskal Kerajaan seterusnya mewujudkan ruang fiskal untuk meningkatkan daya tahan ekonomi terutamanya semasa krisis.

Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah pembaharuan fiskal termasuk merasionalisasi subsidi, memperkemas agensi Kerajaan dan meningkatkan ketelusan dalam perolehan Kerajaan. Langkah pembaharuan tersebut telah meningkatkan kecekapan perbelanjaan Kerajaan antara lain melalui peralihan daripada subsidi pukal kepada subsidi bersasar. Rasionalisasi subsidi telah mengurangkan perbelanjaan untuk subsidi dan bantuan sosial daripada RM39.7 bilion pada 2014 kepada RM22.3 bilion pada 2017. Namun demikian, subsidi hanya merupakan sebahagian kecil daripada instrumen dasar fiskal dan terdapat aspek lain dasar fiskal yang wajar disemak semula untuk tujuan pembaharuan fiskal.

Berdasarkan pengalaman antarabangsa dan kajian oleh IMF serta agensi lain mengenai pembaharuan fiskal, tiga bidang utama pembaharuan fiskal adalah tadbir urus fiskal, hasil dan perbelanjaan. Kerajaan perlu melaksanakan pembaharuan fiskal menyeluruh secara strategik dengan mengambil kira prestasi dan unjuran ekonomi domestik dan global. Langkah ini penting bagi memastikan Kerajaan dapat memperkukuh kedudukan fiskal di samping mengekalkan pertumbuhan ekonomi.

Bidang Pembaharuan Fiskal

Tadbir urus fiskal merupakan tunjang kepada pembaharuan fiskal. Tadbir urus fiskal merangkumi prinsip fiskal yang bertanggungjawab, sasaran fiskal jangka masa sederhana dan pelaporan fiskal yang memenuhi piawaian antarabangsa untuk menyediakan maklumat kepada pihak berkepentingan mengenai hala tuju dasar fiskal yang jelas. Rangka kerja tadbir urus fiskal yang baik perlu disesuaikan dengan objektif dan profil makroekonomi negara. Tadbir urus fiskal dalam bentuk perundangan adalah lebih efektif terutamanya dalam memastikan pematuhan fiskal berbanding secara pentadbiran.

Bidang utama kedua pembaharuan fiskal ialah meningkatkan kecekapan penjanaan hasil. Inisiatif ini termasuk semakan menyeluruh ke atas sistem dan kutipan cukai. Nisbah hasil cukai Malaysia kepada KDNK di paras yang hampir sama dengan negara anggota ASEAN lain. Walau bagaimanapun, daripada 14 juta tenaga kerja dan 1.1 juta pertubuhan perniagaan, kurang daripada 20% membayar cukai pendapatan. Di samping itu, terdapat lebih daripada 100 jenis insentif cukai terutamanya berkaitan status perintis, pelaburan dan insentif pelaburan semula (Bank Negara Malaysia, 2017) yang mengehadkan kadar kutipan hasil cukai. Dalam hal ini, Jawatankuasa Pembaharuan Cukai telah ditubuhkan pada 1 September 2018 untuk merasionalisasi dasar cukai dan menyelaraskan pelbagai insentif cukai.

Hasil Cukai sebagai Peratusan KDNK



Sumber: Bank Dunia, 2018.

Langkah penetapan harga siling minyak juga boleh dipertimbangkan dalam penyediaan bajet. Jika harga minyak melebihi paras siling tersebut, sebarang hasil tambahan mesti dimasukkan ke dalam dana penstabil di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Rizab ini akan menyediakan ruang fiskal bagi Kerajaan untuk mengurangkan kesan buruk krisis ekonomi termasuk menampung kehilangan hasil. Langkah ini dapat membantu Kerajaan untuk menentukan tahap perbelanjaan dengan lebih berhemat.

Bidang utama ketiga pembaharuan fiskal bermatlamat untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti perbelanjaan Kerajaan dengan menyemak semula pelaksanaan program dan projek. Pembaharuan ini memberi tumpuan kepada perekayasaan sistem penyampaian awam, subsidi dan bantuan sosial yang lebih bersasar, projek pembangunan berasaskan keperluan dan struktur kos yang lebih baik. Justeru, penyampaian perkhidmatan Kerajaan boleh dilaksanakan dengan kos lebih rendah berikutan penjimatan dari peningkatan kecekapan dan produktiviti. Sebaliknya, pemotongan perbelanjaan sahaja tanpa peningkatan tahap kecekapan dan produktiviti akan menjejaskan penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Langkah semakan semula program dan projek yang menyeluruh dapat mengenal pasti jumlah penjimatan yang besar tanpa menghalang pencapaian objektif Kerajaan.

Kesimpulan

Kerajaan komited memperkukuh semula kedudukan kewangan awam dengan menambah baik rangka kerja fiskal terutamanya melalui pembaharuan institusi, semakan semula perbelanjaan awam dan pembaharuan dasar cukai. Walau bagaimanapun, pembaharuan ini perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif dengan sokongan padu daripada semua pihak. Bagi tujuan ini, sesi libat urus secara berkesan dengan pihak berkepentingan merupakan faktor utama memastikan kejayaan pembaharuan fiskal. Secara keseluruhannya, Kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan kemampanan fiskal di samping mengekalkan kestabilan makroekonomi serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Rujukan:

Bank Negara Malaysia Staff Insights 2017/12. (2017). Rethinking Investment Incentives. Dicapai pada 27 September 2018 daripada www.bnm.gov.my/files/publication/qb/2017/Q3/p3_ba1.pdf

C. John McDermott, Robert F. Wescott. (1997). International Monetary Fund. Fiscal Reforms That Work. Dicapai pada 27 September 2018 daripada https://www.imf.org/external/pubs/ft/issues4/

Galina Kolev and Jürgen Matthes. (2013). Smart Fiscal Consolidation. A Strategy for Achieving Sustainable Public Finances and Growth. Center for European Studies

International Monetary Fund (IMF) (2015). Fiscal Policy and Long-Term Growth. Dicapai pada 27 September 2018 daripada https://www.imf.org/en/Publications/Policy-Papers/Issues/2016/12/31/Fiscal-Policy-and-Long-Term-Growth-PP4964

The Economist Intelligence Unit (EIU). Data Tool. Dicapai pada 27 September 2018 daripada http://data.eiu.com/EIULineChartBySeries.aspx?frq=Yearly

Prestasi 2018

Pada Mei 2018, Kerajaan telah mengumumkan pembatalan GST yang menyebabkan hasil dianggar berkurang sebanyak RM21 bilion. Walau bagaimanapun, pengurangan ini akan ditampung oleh hasil tambahan sebanyak RM14.5 bilion terutamanya daripada kutipan SST, dividen dan pendapatan berkaitan minyak sejajar dengan harga minyak mentah yang lebih tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga telah mengenal pasti penjimatan perbelanjaan bersih sebanyak RM6.3 bilion bagi mengimbangi hasil yang berkurang. Justeru, Kerajaan telah dapat mengekalkan sasaran defisit fiskal seperti yang telah diumumkan dalam Bajet 2018.

Selaras dengan prinsip ketelusan dan akauntabiliti, Kerajaan telah mengambil kira tambahan bayaran balik cukai (RM4 bilion), komitmen *off-budget* dan keperluan perbelanjaan tambahan. Peruntukan tambahan sekitar RM16 bilion termasuk bayaran bantuan kewangan khas kepada penjawat awam (RM2.7 bilion), pengambilalihan Lebuhraya Penyuraian Trafik Timur (RM1.3 bilion), projek Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3) dan Projek Landasan Berkembar Elektrik (EDTP) (RM2.4 bilion), peruntukan untuk infrastruktur pembetungan, pembaikan dan penyelenggaraan (RM9.5 bilion). Kerajaan juga dijangka menerima hasil tambahan RM7 bilion daripada dividen PETRONAS. Ini memberikan implikasi fiskal bersih sekitar RM13 bilion. Sehubungan itu, defisit fiskal sebagai peratusan kepada KDNK disemak semula daripada 2.8% kepada 3.7% pada 2018.

Baki primer dianggar mencatat defisit sebanyak RM22.4 bilion atau 1.6% daripada KDNK. Baki primer merupakan kedudukan fiskal yang mengambil kira inisiatif dasar fiskal tahun semasa sahaja. Bayaran khidmat hutang yang disebabkan oleh dasar fiskal terdahulu tidak diambil kira kerana bayaran tersebut ditentukan oleh saiz defisit tahun sebelumnya.

Tinjauan 2019

Dalam tempoh penyesuaian, kedudukan fiskal pada 2019 akan menjadi asas baharu untuk menetapkan semula trajektori konsolidasi fiskal pada masa hadapan. Terdapat keperluan untuk menyemak semula perbelanjaan dengan lebih teliti memandangkan asas hasil yang kurang meluas. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah melaksanakan pendekatan *zero-based budgeting*[1] dalam penyediaan Belanjawan 2019 untuk meningkatkan kecekapan perbelanjaan. Sementara itu, Kerajaan juga telah memutuskan untuk menyelesaikan keseluruhan tunggakan bayaran balik cukai yang dianggarkan sebanyak RM37 bilion iaitu RM18 bilion untuk cukai pendapatan manakala RM19 bilion untuk GST. Bagi memenuhi tanggungan ini, Kerajaan dijangka menerima dividen khas PETRONAS berjumlah RM30 bilion sementara bakinya akan dibiayai secara dalaman melalui penjimatan perbelanjaan.

Jumlah hasil tidak termasuk dividen khas PETRONAS dijangka merosot sebanyak RM4.6 bilion kepada RM231.8 bilion terutamanya disebabkan oleh hasil pelaburan dan faedah yang lebih rendah walaupun kutipan hasil cukai lebih tinggi. Perbelanjaan mengurus (OE) tidak termasuk bayaran balik cukai pula dijangka berkurang sebanyak RM12.6 bilion kepada RM222.9 bilion selaras dengan pendekatan belanjawan baharu melalui *zero-based budgeting*. Pendekatan ini melibatkan penjimatan daripada perbelanjaan tidak kritikal; penangguhan pelaksanaan program dan projek yang kurang keutamaan dan tidak mendesak; peningkatan kecekapan kos program dan projek sedia ada termasuk pengecilan skop; dan rasionalisasi subsidi ke arah mekanisme lebih bersasar. Di samping itu, Kerajaan telah mengklasifikasi semula perbelanjaan mengurus yang berkaitan dengan pembangunan kepada perbelanjaan pembangunan (DE) untuk pelaporan yang lebih tepat. Sementara itu, DE diunjur sekitar RM55 bilion. Berdasarkan langkah yang diambil, penjimatan bersih dianggar sebanyak RM8.2 bilion. Defisit fiskal dijangka berkurang kepada RM52.1 bilion atau 3.4% daripada KDNK setelah mengambil kira RM7 bilion bagi membiayai sebahagian daripada bayaran balik cukai. Usaha ini mencerminkan komitmen Kerajaan untuk mengembalikan semula momentum konsolidasi fiskal dalam tempoh penyesuaian.

Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2019 – 2021

Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) merupakan unjuran beberapa tahun kedudukan fiskal Kerajaan. Rangka kerja ini menyediakan panduan fiskal dan menggariskan unjuran fiskal tiga tahun berserta inisiatif dasar utama yang

[1] Merujuk kepada sistem belanjawan berasaskan sifar pada setiap permulaan kitaran belanjawan kerana keputusan belanjawan dibuat dengan andaian setiap program dan projek merupakan program dan projek baharu. Semakan terperinci ke atas belanjawan dapat mengenal pasti potensi penjimatan daripada setiap program dan projek.

diperlukan berasaskan andaian makroekonomi jangka masa sederhana. Salah satu fungsi MTFF ialah menetapkan paras perbelanjaan optimum tiga tahun dengan mengambil kira kapasiti janaan hasil dan komitmen Kerajaan. Rangka kerja ini menyediakan siling indikatif perbelanjaan Kerajaan bagi tempoh tersebut yang membolehkan perancangan program dan projek secara lebih teratur melangkaui lingkungan perancangan tahunan untuk mencapai matlamat yang dikehendaki sejajar dengan konsolidasi fiskal.

Tempoh jangka masa sederhana 2019 hingga 2021 merupakan tempoh peralihan bagi penyesuaian fiskal. Konsolidasi fiskal akan diteruskan semula dengan isu tertunggak termasuk tanggungan bayaran balik cukai dan komitmen off-budget dijangka dapat diselesaikan. Di samping itu, Kerajaan telah memulakan langkah pembaharuan fiskal yang bertanggungjawab dan progresif secara teratur dan telus. Inisiatif yang akan dikaji termasuk

Jadual 1.2. Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF)
2019 – 2021

	2019 – 2021	
	RM bilion	**% KDNK**
Hasil	767.9	*15.7*
Bukan petroleum	584.0	*12.0*
Berkaitan petroleum	183.9	*3.7*
Perbelanjaan mengurus	754.9	*15.5*
Baki semasa	**13.0**	***0.2***
Perbelanjaan pembangunan kasar	164.7	*3.4*
Tolak: terimaan balik pinjaman	1.9	*0.1*
Perbelanjaan pembangunan bersih	162.8	*3.3*
Baki keseluruhan	**-149.8**	***-3.1***
Asas andaian:		
Pertumbuhan KDNK benar (%)	4.5 – 5.5	
Pertumbuhan KDNK nominal (%)	6.8 – 8.2	
Harga minyak mentah (USD setong)	60 - 70	
Pengeluaran minyak (setong sehari)	600,000	

Nota: Anggaran MTFF, tidak termasuk langkah belanjawan.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

menyemak semula perundangan berkaitan fiskal dan menambah baik institusi dan tadbir urus fiskal termasuk rangka kerja risiko fiskal. Ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi akan meningkatkan daya saing negara dan keyakinan pelabur seterusnya menyokong pelaburan produktif dan pertumbuhan ekonomi. Kerajaan akan mempercepat pelaksanaan konsolidasi dan dijangka terus mengurangkan paras defisit fiskal dalam jangka sederhana.

Hasil bukan petroleum dijangka kekal sebagai sumber hasil terbesar iaitu 76% daripada jumlah hasil manakala 24% merupakan hasil berkaitan petroleum. Berasaskan andaian harga minyak yang sederhana antara USD60 hingga USD70 setong, jumlah hasil dalam tempoh MTFF dianggar secara berhemat sebanyak RM767.9 bilion. Kerajaan akan menumpukan kepada usaha meningkatkan pematuhan cukai melalui inisiatif pembaharuan cukai. Inisiatif utama termasuk merapatkan jurang cukai disebabkan ketirisan cukai, menambah baik tatacara perundangan sedia ada supaya lebih jelas dan mudah serta mengkaji semula keberkesanan insentif cukai.

Komitmen mantap dalam menetapkan rangka kerja siling perbelanjaan tiga tahun akan menambah baik kapasiti Kerajaan untuk menguruskan perbelanjaan dan melaksanakan pembaharuan. Jumlah siling indikatif OE ialah RM754.9 bilion untuk tempoh 2019 hingga 2021 manakala DE dianggarkan sebanyak RM164.7 bilion. Jumlah siling indikatif ini akan memberi panduan kepada setiap kementerian untuk mencapai tahap perbelanjaan optimum ke arah laluan konsolidasi fiskal.

MTFF akan berfungsi sebagai alat pengurusan strategik untuk menyeimbangkan kestabilan makroekonomi dengan kemampanan fiskal. Rangka kerja ini menyediakan unjuran fiskal yang realistik dan akan menjadi penunjuk disiplin fiskal Kerajaan. MTFF turut menyediakan maklumat kepada sektor swasta mengenai dasar fiskal Kerajaan yang lebih telus dalam jangka masa sederhana.

Rajah 1.1. Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan



Rajah 1.2. Baki Semasa Kerajaan Persekutuan



Rajah 1.3. Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan



Nota: 2018: Anggaran disemak.
2019: Anggaran belanjawan, tidak termasuk langkah Belanjawan 2019.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

SEKSYEN 2:

HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

- Perspektif Keseluruhan
- Prestasi 2018

  Sisipan — Pengenalan Semula Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan
- Tinjauan 2019

SEKSYEN 2: HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

Perspektif Keseluruhan

Pengurusan dasar fiskal memerlukan Kerajaan mempunyai sistem cukai komprehensif dan efisien serta memastikan kutipan hasil diagihkan semula kepada rakyat dalam bentuk perkhidmatan awam dan infrastruktur yang berkualiti serta program dan projek berteraskan rakyat. Sistem ini juga akan menyumbang ke arah peningkatan daya saing negara terutamanya menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif dan kemudahan yang selesa seterusnya meningkatkan kesediaan pembayar cukai melaksanakan tanggungjawab membayar cukai. Justeru, dasar cukai Malaysia digubal berdasarkan prinsip munasabah, konsisten dan adil.

Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah cukai dalam Bajet 2018 untuk meningkatkan pendapatan boleh guna dan mempergiat aktiviti perniagaan. Langkah dalam Bajet 2018 termasuk pengurangan sebanyak dua mata peratusan bagi tiga kumpulan pendapatan bercukai dan tambahan pelepasan cukai bagi cukai pendapatan individu. Insentif juga diberikan kepada industri yang mengadaptasi IR4.0 bagi meningkatkan rantaian nilai dan pengeluaran yang berpotensi memacu ekonomi. Langkah yang diumumkan dalam Bajet 2018 tersebut dijangka mempercepat aktiviti pelaburan walaupun terdapat kehilangan hasil cukai.

Prestasi 2018

Hasil Kerajaan Persekutuan pada 2018 dijangka meningkat 7.3% kepada RM236.5 bilion. Peningkatan tersebut disumbangkan oleh kutipan yang lebih tinggi bagi cukai langsung dan hasil bukan cukai yang dapat mengimbangi penghapusan GST. Hasil cukai menyumbang 73.9% kepada jumlah hasil atau 12.2% kepada KDNK manakala hasil bukan cukai mewakili 26.1% atau 4.3% kepada KDNK.

Jadual 2.1. Hasil Kerajaan Persekutuan 2017 – 2019

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2017	2018[1]	2019[2]	2017	2018[1]	2019[2]	2017	2018[1]	2019[2]
Hasil cukai	**177,658**	**174,700**	**176,152**	***4.9***	***-1.7***	***0.8***	***80.6***	***73.9***	***67.3***
Cukai langsung	116,024	133,474	135,068	*5.9*	*15.0*	*1.2*	*52.6*	*56.4*	*51.6*
antaranya:									
CITA	64,465	70,536	70,187	*1.3*	*9.4*	*-0.5*	*29.2*	*29.8*	*26.8*
Individu	28,945	34,800	34,954	*5.0*	*20.2*	*0.4*	*13.1*	*14.7*	*13.4*
PITA	11,761	16,845	18,084	*39.6*	*43.2*	*7.4*	*5.3*	*7.1*	*6.9*
Cukai tidak langsung	61,634	41,226	41,084	*3.2*	*-33.1*	*-0.3*	*28.0*	*17.5*	*15.7*
antaranya:									
GST/SST	44,352	23,100	22,000	*7.1*	*-47.9*	*-4.8*	*20.1*	*9.8*	*8.4*
Duti eksais	10,112	10,691	11,380	*-13.6*	*5.7*	*6.4*	*4.6*	*4.5*	*4.4*
Duti import	2,784	2,800	2,940	*-4.2*	*0.6*	*5.0*	*1.3*	*1.2*	*1.1*
Duti eksport	1,355	1,600	1,604	*38.3*	*18.1*	*0.2*	*0.6*	*0.7*	*0.6*
Hasil bukan cukai	**42,748**	**61,760**	**85,662**	***-0.8***	***44.5***	***38.7***	***19.4***	***26.1***	***32.7***
antaranya:									
Lesen dan permit	12,777	14,681	15,567	*3.8*	*14.9*	*6.0*	*5.8*	*6.2*	*5.9*
Pendapatan pelaburan	21,638	36,937	59,523	*1.0*	*70.7*	*61.2*	*9.8*	*15.6*	*22.7*
Jumlah hasil	**220,406**	**236,460**	**261,814**	***3.8***	***7.3***	***10.7***	***100.0***	***100.0***	***100.0***
% KDNK	***16.3***	***16.5***	***17.1***						

[1] Anggaran disemak.
[2] Anggaran Belanjawan, tidak termasuk langkah Belanjawan 2019.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

Sisipan

Pengenalan Semula Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan

Pengenalan

Kerajaan telah memperkenalkan semula Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) pada 1 September 2018 bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dimansuhkan. Terdapat dua jenis cukai berbeza di bawah SST yang ditadbir melalui perundangan berasingan iaitu Akta Cukai Jualan 2018 (Akta 806) dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (Akta 807). Pelaksanaan SST yang baharu telah ditambah baik untuk meminimumkan kelemahan yang berkaitan seterusnya meningkatkan kecekapan cukai di samping mengekalkan ciri utama SST sebelum ini.

Cukai Jualan

Umumnya, cukai jualan merupakan cukai satu peringkat yang dikenakan hanya pada mana-mana peringkat dalam salah satu rantaian nilai sama ada di peringkat runcit, borong atau pengilang. Di Malaysia, cukai jualan hanya dikenakan di peringkat pengilang ke atas barangan bercukai. Cukai jualan akan dikenakan ketika barangan bercukai tersebut dijual oleh pengilang berdaftar. Walau bagaimanapun, cukai jualan tidak dikenakan ke atas bahan yang digunakan sebagai input dalam pengeluaran barangan bercukai. Jualan barang dari pemborong kepada peruncit dan dari peruncit kepada pengguna akhir tidak dikenakan cukai jualan. Bagi membolehkan pengilang mengenakan cukai jualan kepada pelanggan, pengilang diwajibkan berdaftar di bawah Akta 806 apabila nilai jualan barangan bercukai mencapai RM500,000 setahun.

Selain daripada barangan bercukai tempatan, cukai jualan juga dikenakan ke atas barangan bercukai yang diimport. Cukai jualan akan dikenakan ketika pengimportan dengan mengambil kira nilai barang bagi tujuan duti kastam, amaun duti kastam dan duti eksais ke atas barangan tersebut sekiranya ada. Walau bagaimanapun, barangan yang dieksport tidak dikenakan cukai jualan.

Cukai jualan dikenakan pada kadar 5% atau 10% ke atas nilai jualan bergantung kepada jenis barangan bercukai kecuali produk petroleum yang dikenakan cukai pada kadar spesifik. Antara Contoh barangan bercukai termasuk pakaian, makanan diproses dan kenderaan. Namun demikian, Kerajaan telah memutuskan untuk mengecualikan pengenaan cukai jualan ke atas barangan keperluan asas dan barangan yang digunakan secara meluas terutamanya oleh kumpulan B40 seperti makanan segar, ubat-ubatan dan motosikal di bawah 250cc. Pengecualian juga diberikan kepada bahan mentah, pembungkusan dan komponen yang digunakan dalam pengilangan bagi memastikan kos pengeluaran yang minimum dan cukai hanya dikenakan pada satu peringkat.

Cukai Perkhidmatan

Cukai perkhidmatan juga merupakan cukai satu peringkat dan hanya dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai seperti yang ditetapkan dalam Akta 807 dan Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas penyediaan perkhidmatan bercukai di Malaysia oleh penyedia perkhidmatan berdaftar pada kadar standard 6%. Pada masa ini, perkhidmatan yang diimport dan dieksport secara amnya tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

Berbeza dengan GST yang dikenakan ke atas semua jenis perkhidmatan melainkan perkhidmatan yang dikecualikan, cukai perkhidmatan hanya dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang ditetapkan. Secara umumnya, pembekal perkhidmatan wajib berdaftar di bawah Akta 807 apabila nilai penyediaan perkhidmatan bercukai dalam tempoh 12 bulan mencapai nilai ambang RM500,000. Walau bagaimanapun, untuk sektor makanan dan minuman (F&B), nilai ambang pendaftaran ditetapkan pada RM1.5 juta. Oleh itu, lebih banyak restoran dan kedai makanan tidak perlu mengenakan cukai perkhidmatan kepada pelanggan. Di samping itu, sebarang caj perkhidmatan yang dikenakan oleh outlet F&B tidak dikenakan cukai perkhidmatan seperti dalam pelaksanaan GST.

Bagi tujuan pendaftaran, pengeluaran kad kredit dan kad caj serta perkhidmatan ejen kastam tidak tertakluk kepada sebarang nilai ambang jualan tahunan. Justeru, penyedia perkhidmatan bagi kategori tersebut wajib berdaftar di bawah Akta 807 tanpa mengira nilai tahunan perkhidmatan bercukai yang disediakan. Kadar cukai perkhidmatan ditetapkan sebanyak RM25 setahun ke atas setiap kad kredit utama dan tambahan serta kad caj.

Senarai Perkhidmatan Bercukai dan Nilai Ambang untuk Pendaftaran

KUMPULAN	PENGENDALI	PERKHIDMATAN	NILAI AMBANG PENDAFTARAN (RM)
A Penginapan	• Hotel • Rumah tumpangan • Rumah penginapan • Pangsapuri servis • Rumah inapan • Establismen lain (dengan pengecualian)	i. Perkhidmatan penginapan ii. Perkhidmatan bercukai lain iii. Perkhidmatan lain di dalam premis penginapan iv. Penjualan produk tembakau/ minuman beralkohol dan tidak beralkohol	500,000
B Makanan dan minuman	• Restoran • Bar • Snek bar • Kantin • Rumah kopi • Katering • Medan selera • Mana-mana tempat yang menyediakan makanan dan minuman sama ada dimakan kesemuanya atau sebahagiannya atau dibawa pulang (dengan pengecualian)	i. Penyediaan makanan atau minuman yang tersedia atau terhidang ii. Perkhidmatan bercukai lain iii. Perkhidmatan lain di dalam establismen iv. Penjualan produk tembakau/ minuman beralkohol dan tidak beralkohol	1,500,000
C Kelab malam, Dewan Tari-menari, Kabaret, Pusat Kesihatan dan Kesejahteraan, Rumah Urut, Rumah Awam dan Rumah Bir	• Kelab malam • Dewan Tari-menari • Kabaret • Rumah awam • Rumah bir • Pusat kesihatan dan kesejahteraan • Rumah urut	i. Semua perkhidmatan dalam establismen ii. Perkhidmatan bercukai lain iii. Penjualan produk tembakau/ minuman beralkohol dan tidak beralkohol	500,000
D Kelab Persendirian	• Kelab persendirian • Rumah kelab yang kemasukan ke dalamnya dihadkan oleh keahlian, profesion atau kelas	i. Semua perkhidmatan dalam kelab persendirian ii. Perkhidmatan bercukai lain iii. Penyediaan atau penjualan produk tembakau/minuman beralkohol dan tidak beralkohol	500,000
E Kelab Golf dan Lapangan Sasar Golf	Padang golf Lapangan sasar golf	i. Perkhidmatan kelab golf atau lapang sasar golf ii. Perkhidmatan bercukai lain iii. Perkhidmatan lain di dalam kelab golf atau lapang sasar golf iv. Penjualan produk tembakau/ minuman beralkohol dan tidak beralkohol	500,000

KUMPULAN	PENGENDALI	PERKHIDMATAN	NILAI AMBANG PENDAFTARAN (RM)
F Pertaruhan dan perjudian	Mana-mana orang yang dilesenkan bagi: • Pertaruhan • Ambil tagan • Loteri • Mesin perjudian • Permainan mengadu nasib	i. Perkhidmatan pertaruhan dan perjudian yang melibatkan pertaruhan, ambil tangan, loteri, mesin perjudian atau permainan mengadu nasib ii. Mengendalikan perlawanan yang melibatkan pertaruhan, ambil tagan, loteri, mesin perjudian atau permainan mengadu nasib iii. Mengendalikan atau membenarkan pengendalian permainan kad atau apa-apa permainan lain oleh pengendali kasino	500,000
G Profesional	• Peguam • Akauntan • Juruukur • Jurutera • Arkitek • Perunding • Perkhidmatan teknologi maklumat • Perkhidmatan pengurusan • Perkhidmatan pekerjaan • Agensi persendirian keselamatan persendirian	i. Perkhidmatan perundangan ii. Perkhidmatan perundangan Islam iii. Perakaunan, pengauditan, penyimpanan kira-kira, perundingan atau perkhidmatan profesional lain iv. Perkhidmatan mengukur termasuk penilaian, penaksiran, agensi hartanah atau perundingan professional v. Perkhidmatan perundingan kejuruteraaan atau perkhidmatan profesional lain vi. Perkhidmatan seni bina termasuk perkhidmatan profesional lain vii. Perkhidmatan perundingan profesional lain kecualitidak termasuk: (a) perhidmatan perundingan berhubung dengan perkhidmatan jagaan kesihatan dan perkhidmatan veterinaer (b) perkhidmatan perundingan berkaitan dengan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia viii Perkhidmatan teknologi maklumat tidak termasuk pemberian atau penjualan barang berhubung dengan perkhidmatan teknologi maklumat	500,000

KUMPULAN	PENGENDALI	PERKHIDMATAN	NILAI AMBANG PENDAFTARAN (RM)
		ix Semua jenis perkhidmatan pengurusan termasuk pengurusan projek atau penyelarasan projek x. Semua jenis perkhidmatan pekerjaan tidak termasuk (a) perkhidmatan pekerjaan dalam bentuk penempatan pekerja secara sementara/ membekal pekerja untuk bekerja bagi orang lain bagi suatu tempoh masa (b) penyediaan perkhidmatan pekerjaan untuk pekerjaan di luar Malaysia. xi. Penyediaan pengawal atau perlindungan bagi keselamatan diri atau bagi keselamatan atau sekuriti harta atau perniagaan orang lain tidak termasuk untuk perkhidmatan mengawal atau melindungi orang, atau harta atau perniagaan yang terletak di luar Malaysia	
H Kad Kredit dan Kad Caj	Mana-mana orang yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan memberikan perkhidmatan kad kredit/kad caj melalui pengeluaran kad kredit/ kad caj	Perkhidmatan kad kredit atau kad caj melalui pengeluaran kad kredit utama, kad caj utama, kad kredit tambahan atau kad caj tambahan, apabila kad itu diaktifkan dan sama ada atau tidak dikenakan yuran atau fi tahunan	0
I Penyedia perkhidmatan lain	Penanggung insurans/ pengendali takaful	i. Penyediaan semua jenis polisi insurans/sijil takaful untuk perlindungan terhadap apa-apa risiko dalam Malaysia yang ditanggung seseorang individu tidak termasuk insurans perubatan/takaful perubatan dan polisi insurans nyawa/ sijil takaful keluarga ii. Penyediaan semua jenis polisi insurans/sijil takaful kepada semua organisasi (dengan pengecualian)	500,000

KUMPULAN	PENGENDALI	PERKHIDMATAN	NILAI AMBANG PENDAFTARAN (RM)
	Penyedia perkhidmatan telekomunikasi/ perkhidmatan TV berbayar dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan	i. Perkhidmatan telekomunikasi dan perkhidmatan lain berkaitan dengan perkhidmatan telekomunikasi ii. Perkhidmatan penyiaran langganan	500,000
	Ejen Kastam	Perkhidmatan bagi pelepasan barang daripada kawalan kastam	0
	Pengendali tempat letak kereta	Perkhidmatan ruang tempat letak kereta bagi kenderaan bermotor di mana bayaran tempat letak kereta dikenakan	500,000
	Pusat servis/membaiki kenderaan bermotor	Penyediaan servis am, membaiki dan menala enjin, menukar, menyesuaikan dan memasang alat ganti, mengimbangi roda, penjajaran roda atau membaiki badan kereta termasuk mengetuk, memetri atau mengecat semula kenderaan bermotor	500,000
	Kiriman cepat	Perkhidmatan pengiriman cepat bagi dokumen atau bungkusan yang tidak melebihi 30 kilogram setiap satu	500,000
	Sewa dan pandu	i. Perkhidmatan kereta sewa atau perkhidmatan kereta sewa dan pandu ii. Perkhidmatan bas sewa khas iii. Perkhidmatan bas persiaran	500,000
	Pengiklanan	Perkhidmatan pengiklanan tidak termasuk pemberian perkhidmatan tersebut untuk promosi di luar Malaysia	500,000
	Perkhidmatan penghantaran dan pengagihan elektrik	Penyediaan elektrik kepada pengguna domestic melebihi 600kWh pertama bagi tempoh bil minimum 28 hari	500,000
	Penerbangan	Perkhidmatan pengangkutan penumpang domestik tidak termasuk Rural Air Services bagi laluan di dalam Sabah dan laluan di dalam Sarawak	500,000

Sumber: Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018

Penambahbaikan Mekanisme SST Baharu

Bagi mempermudah dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan, penyelesaian yang lebih efisien telah disediakan bagi urusan permohonan untuk pendaftaran dan pengecualian ke atas input pembuatan yang sebelum ini dilaksanakan melalui pengisian borang secara manual sebelum ini. Kini, semua permohonan untuk pendaftaran dan pengecualian dilaksanakan secara dalam talian. Langkah tersebut dilaksanakan berikutan maklum balas daripada pihak industri bahawa wujud birokrasi serta penyediaan kertas kerja yang merumitkan semasa pelaksanaan sistem SST terdahulu.

Pelaksanaan

Perundangan SST telah diwartakan pada 26 Ogos 2018 dan berkuat kuasa mulai 1 September 2018. Di bawah SST baharu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah menjalankan pendaftaran automatik bagi pengilang dan penyedia perkhidmatan yang layak melalui pemindahan data dari pangkalan data GST. Sehingga 14 September 2018, sejumlah 94,783 perniagaan telah didaftarkan di bawah SST yang terdiri daripada 56,918 penyedia perkhidmatan dan 37,865 pengilang.

Pengisytiharan penyata cukai di bawah SST telah diselaraskan kepada dua bulan sekali berbanding secara bulanan ataupun suku tahunan semasa pelaksanaan GST. Oleh itu, kos pematuhan perniagaan serta kos pentadbiran kepada Kerajaan dijangka lebih rendah berikutan keseragaman dan proses yang lebih mudah. Antara kebimbangan utama dalam pelaksanaan SST adalah ialah kemunculan semula ekonomi tidak formal. Namun demikian, risiko ini dapat dikurangkan dengan kewujudan pangkalan data perniagaan sedia ada serta perkongsian maklumat berterusan antara JKDM, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Kesimpulan

Pengenalan semula SST akan memberi manfaat kepada perniagaan melalui kos pematuhan dan pentadbiran yang lebih rendah. Di samping itu, SST baharu adalah lebih mesra perniagaan, kurang birokrasi dan dapat membantu pengurusan aliran tunai perniagaan. Kerajaan terus komited untuk menambah baik pelaksanaan SST baharu demi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem cukai tersebut.

Hasil cukai pada 2018 dianggar mencatat RM174.7 bilion dengan kutipan cukai langsung mewakili 76.4%. *Cukai langsung* dijangka meningkat 15% atau RM17.5 bilion kepada RM133.5 bilion terutamanya disumbangkan oleh keuntungan syarikat yang lebih baik dan peningkatan harga minyak mentah dengan purata USD70 setong. Penyumbang utama kepada kutipan cukai langsung yang lebih tinggi merangkumi cukai pendapatan syarikat (CITA) yang dijangka meningkat sebanyak RM6.1 bilion diikuti cukai pendapatan individu RM5.9 bilion dan petroleum (PITA) RM5.1 bilion. Di samping itu, kutipan cukai langsung lain seperti duti setem dan cukai keuntungan harta tanah (CKHT) dianggar meningkat RM0.5 bilion mencerminkan transaksi pasaran harta tanah yang lebih tinggi.

Kutipan *cukai tidak langsung* dijangka mencatat RM41.2 bilion dengan pengurangan signifikan 33.1% berikutan pemansuhan GST dan pengecualian cukai selama tiga bulan. Oleh yang demikian, kehilangan hasil dianggarkan RM21 bilion. Kerajaan juga menyediakan tambahan peruntukan RM4 bilion untuk bayaran balik GST yang telah diverifikasi dan diaudit. Walau bagaimanapun, Kerajaan dijangka memungut hasil sebanyak RM4 bilion dengan pengenalan semula SST berkuat kuasa 1 September 2018. Justeru, hasil cukai bersih berasaskan penggunaan dianggar RM23 bilion berbanding anggaran asal sebanyak RM44 bilion. Kutipan hasil duti eksais dianggar meningkat kepada RM10.7 bilion pada 2018 berikutan jualan kenderaan dijangka lebih tinggi meskipun pengecualian cukai berterusan untuk kenderaan cekap tenaga (EEV) diteruskan.

Hasil bukan cukai dijangka melonjak 44.5% kepada RM61.8 bilion terutamanya disumbangkan oleh dividen lebih tinggi daripada PETRONAS berjumlah RM26 bilion selaras dengan prestasi kewangan yang lebih baik dan peningkatan harga minyak mentah. Kerajaan juga dijangka menerima dividen lebih tinggi daripada Khazanah Nasional Berhad berjumlah RM2 bilion. Di samping itu, sumbangan sebanyak RM4 bilion dijangka diterima daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) bagi membiayai sebahagian bayaran persaraan tahun semasa.

Tinjauan 2019

Pada 2019, hasil Kerajaan Persekutuan termasuk dividen khas PETRONAS dijangka RM261.8 bilion atau 17.1% daripada KDNK. Walaupun terdapat pengurangan yang signifikan dalam cukai berasaskan kepenggunaan, namun **hasil cukai** dianggarkan RM176.2 bilion dan terus menjadi komponen utama dalam hasil keseluruhan. Walau bagaimanapun, peratusan hasil cukai kepada KDNK dianggar menyusut sedikit daripada 12.2% pada 2018 kepada 11.5%. Kutipan *cukai langsung* merangkumi 76.7% kepada hasil cukai dianggar RM135.1 bilion iaitu meningkat 1.2% berbanding anggaran disemak pada 2018. Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh kutipan PITA yang lebih tinggi sebanyak RM18.1 bilion berbanding anggaran RM16.8 bilion pada 2018 berikutan andaian harga minyak mentah yang sederhana.

Cukai pendapatan individu dan CITA diunjur mencatat RM35 bilion dan RM70.2 bilion. Sektor perkhidmatan terutamanya perkhidmatan kewangan merupakan penyumbang utama kepada kutipan CITA. Di samping itu, usaha berterusan LHDN dalam meningkatkan pengauditan dan pematuhan pembayar cukai turut menyumbang dalam memastikan kemampanan kutipan individu dan CITA. Pada masa sama, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai untuk melaksanakan kajian menyeluruh mengenai sistem percukaian bagi tujuan memperluas asas cukai dan mengurangkan jurang cukai. Sementara itu, hasil cukai langsung lain merangkumi duti setem, CKHT dan cukai lain dijangka meningkat 4.4% kepada RM8.2 bilion. Peningkatan duti setem kepada RM6.3 bilion dan CKHT kepada RM1.8 bilion selaras dengan pasaran harta tanah yang dijangka stabil.

Kutipan *cukai tidak langsung* dianggar berkurang kepada RM41.1 bilion. Walau bagaimanapun, pengenalan semula SST dijangka menyumbang RM22 bilion kepada jumlah keseluruhan hasil cukai tidak langsung. Kutipan duti eksais pada 2019 dijangka meningkat 6.4% kepada RM11.4 bilion berikutan permintaan yang lebih tinggi ke atas kenderaan bermotor. Berdasarkan kajian separuh pertama 2018 oleh Persatuan Automotif Malaysia (MAA)[1], jumlah kenderaan dijangka meningkat 2% pada 2019 sejajar dengan permintaan berterusan untuk model kenderaan baharu dan promosi yang agresif oleh syarikat automotif.

Duti eksport diunjur kekal pada RM1.6 bilion selaras dengan andaian harga minyak mentah dunia yang stabil dalam jangka sederhana. Duti import pula dijangka meningkat 5% kepada RM2.9 bilion pada 2019 disumbangkan oleh anggaran kutipan duti import yang lebih tinggi ke atas kenderaan *complete-built-up* (CBU); mesin dan alat ganti; serta resin dan bahan plastik.

Hasil bukan cukai diunjur melonjak kepada RM85.7 bilion terutamanya disumbangkan oleh kutipan faedah dan pulangan pelaburan yang lebih tinggi. Sebahagian besar pulangan pelaburan meliputi dividen daripada PETRONAS berjumlah RM54 bilion dengan RM30 bilion merupakan dividen khas yang akan digunakan untuk membayar balik tunggakan bayaran balik cukai. Sumber untuk membiayai dividen khas adalah daripada pendapatan terkumpul PETRONAS. Penggunaan pendapatan tersebut tidak akan menjejaskan pembiayaan aktiviti pelaburan semasa kerana dana bagi aktiviti tersebut telah diambil kira dalam pelan perbelanjaan pembangunan PETRONAS. Pembayaran untuk bayaran balik cukai akan meningkatkan aliran tunai perniagaan dan isi rumah seterusnya merangsang aktiviti ekonomi.

Hasil lesen dan permit pula dianggarkan meningkat 6% kepada RM15.6 bilion. Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh kutipan lebih tinggi daripada royalti petroleum, lesen kenderaan bermotor dan levi pekerja asing. Royalti petroleum diunjur RM5.6 bilion selaras dengan andaian harga minyak mentah yang

[1] Persatuan Automotif Malaysia (MAA) (2018). Dicapai pada 16 Oktober, 2018 dari http://www.maa.org.my/pdf/Market_Review_First_Half_2018.pdf

sederhana. Pada masa sama, lesen kenderaan bermotor dijangka meningkat 10% kepada RM3.5 bilion seiring dengan anggaran pendaftaran kenderaan yang lebih tinggi.

Peratusan pendapatan berkaitan petroleum kepada jumlah hasil tidak termasuk dividen khas PETRONAS dianggarkan meningkat sedikit kepada 19.5% pada 2019 (2018: 21.7%).

Walaupun cukai berasaskan kepenggunaan berkurang, peratusan hasil berkaitan petroleum masih rendah daripada purata tahunan 34.6% yang dicatatkan dalam tempoh 2009 hingga 2014. Keadaan ini menunjukkan sumber hasil Kerajaan kekal pelbagai. Kerajaan dijangka dapat meningkatkan asas pendapatan bukan petroleum terutamanya melalui inisiatif pembaharuan cukai.

Rajah 2.1. Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum
(% kepada jumlah hasil)



Rajah 2.2. Hasil Sebagai Peratusan KDNK



Nota: 2018: Anggaran disemak.
2019: Anggaran belanjawan, tidak termasuk langkah percukaian 2019.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

SEKSYEN 3:

PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

- Perspektif Keseluruhan
- Prestasi 2018
- Tinjauan 2019
- Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan

SEKSYEN 3: PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Perspektif Keseluruhan

Pentadbiran Kerajaan baharu telah mengambil langkah meningkatkan ketelusan dalam laporan perbelanjaan Kerajaan terutama dengan mengambil kira dan melaporkan perbelanjaan *off-budget*. Kerajaan juga telah mengkaji semula dasar perbelanjaan infrastruktur awam khususnya untuk menangani pelaksanaan serentak beberapa projek mega yang berkos tinggi secara relatif. Oleh itu, bagi memastikan kemampuan dan kecekapan perbelanjaan, Kerajaan telah menangguhkan pelaksanaan beberapa projek, serta menyemak semula skop dan daya maju projek dan merunding semula nilai kontrak. Selain itu, Kerajaan turut menyusun semula keutamaan program dan projek berdasarkan keperluan dan kepentingan serta memperkenalkan *zero-based budgeting* bagi Belanjawan 2019. Kerajaan juga telah melaksanakan rasionalisasi kementerian dan agensi bagi memperkemas fungsi dan peranan serta menambahbaik prosedur perolehan kerajaan dengan memperkenalkan rangka kerja perundangan berkaitan untuk mengelakkan pembaziran dan ketirisan.

Prestasi 2018

Peruntukan belanjawan asal 2018 merangkumi perbelanjaan mengurus (OE) dan perbelanjaan pembangunan (DE) berjumlah RM280.3 bilion. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut telah disemak lebih tinggi kepada RM290.4 bilion. Perbelanjaan tambahan sebanyak RM16.6 bilion disediakan dengan RM11.2 bilion disalurkan untuk OE dan RM5.4 bilion untuk DE. Selain itu, sebanyak RM6.5 bilion penjimatan dijangka diperoleh daripada semakan semula program dan projek sedia ada. Oleh itu, peningkatan bersih jumlah perbelanjaan dianggarkan sebanyak RM10.1 bilion. Dari segi peruntukan mengikut sektor, tidak termasuk perbelanjaan tanggungan dan pindahan, agihan kepada sektor sosial merupakan yang tertinggi iaitu 36.4% daripada jumlah peruntukan diikuti oleh sektor ekonomi (17.6%), keselamatan (11.2%) dan pentadbiran am (6.3%).

Pada 2018, **OE** disemak lebih tinggi kepada RM235.5 bilion berbanding belanjawan asal sebanyak RM234.3 bilion. Keperluan tambahan bagi OE dianggarkan sebanyak RM11.2 bilion, dan kenaikan tersebut akan ditampung melalui penjimatan perbelanjaan sebanyak RM10 bilion yang termasuk klasifikasi semula beberapa item berkaitan pembangunan di bawah OE kepada DE bagi tujuan pelaporan lebih tepat. Penjimatan turut diperoleh terutama daripada semakan semula inisiatif Bajet 2018 dan lain-lain program sedia ada yang kurang keutamaan dan tidak kritikal.

Tambahan OE diperlukan terutama untuk penstabilan harga bahan api, bantuan kewangan khas, pencen, pembaikan dan penyelenggaraan serta perkhidmatan pembersihan dan keselamatan. Perbelanjaan emolumen dijangka bertambah sebanyak RM2.2 bilion daripada belanjawan asal terutamanya disebabkan oleh bayaran bantuan kewangan khas kepada penjawat awam pada Januari dan Jun 2018. Sementara itu, peruntukan tambahan sebanyak RM3.8 bilion diperlukan untuk perkhidmatan dan bekalan khususnya untuk perkhidmatan pembersihan hospital, keselamatan sekolah serta penyelenggaraan aset dan sistem. Bayaran persaraan dianggar meningkat sebanyak RM1.2 bilion berikutan keperluan tambahan pencen dan bantuan kewangan khas kepada pesara. Selain itu, subsidi dan bantuan sosial diunjur meningkat berikutan peruntukan tambahan sebanyak RM3 bilion bagi subsidi bahan api sementara tambahan bayaran pindahan dianggar sekitar RM1 bilion.

Berbanding 2017, OE 2018 dijangka meningkat 8.2% terutama disebabkan oleh peruntukan lebih tinggi untuk subsidi dan bantuan sosial, perkhidmatan dan bekalan, emolumen, bayaran khidmat hutang dan bayaran persaraan. Peningkatan subsidi dan bantuan sosial yang ketara terutama disebabkan oleh peningkatan

Jadual 3.1. Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek 2017 – 2019

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2017	2018[1]	2019[2]	2017	2018[1]	2019[2]	2017	2018[1]	2019[2]
Emolumen	77,036	81,327	82,045	5.4	5.6	0.9	35.4	34.5	31.6
Bayaran persaraan	22,800	25,760	26,557	8.4	13.0	3.1	10.5	10.9	10.2
Bayaran khidmat hutang	27,863	30,882	33,000	5.2	10.8	6.9	12.8	13.1	12.7
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	7,109	8,023	7,571	2.4	12.9	-5.6	3.3	3.4	2.9
Perkhidmatan dan bekalan	34,738	36,501	29,068	15.5	5.1	-20.4	16.0	15.5	11.2
Subsidi dan bantuan sosial	22,354	28,128	22,269	-9.5	25.8	-20.8	10.3	11.9	8.6
Pembelian aset	516	576	673	-23.7	11.8	16.8	0.2	0.2	0.3
Bayaran balik dan hapus kira	973	888	921	21.7	-8.7	3.7	0.4	0.4	0.4
Pemberian kepada badan berkanun	14,044	13,873	12,968	-5.2	-1.2	-6.5	6.5	5.9	5.0
Lain-lain	10,262	9,492	44,778	-11.3	-7.5	371.8	4.6	4.2	17.1
Jumlah	**217,695**	**235,450**	**259,850**	***3.6***	***8.2***	***10.4***	***100.0***	***100.0***	***100.0***
Bahagian kepada KDNK (%)	***16.1***	***16.4***	***17.0***						

[1] Anggaran disemak.
[2] Anggaran belanjawan, tidak termasuk langkah Belanjawan 2019.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

subsidi bahan api berikutan komitmen Kerajaan baharu menunaikan manifesto bagi menstabilkan harga bahan api. Walau bagaimanapun, pada masa hadapan, Kerajaan akan memperkenalkan semula mekanisme apungan terkawal harga bahan api bersama pelaksanaan subsidi bahan api bersasar untuk golongan berpendapatan rendah. Peningkatan emolumen pula terutama disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan dan bayaran bantuan kewangan yang lebih tinggi. Bayaran persaraan juga dijangka meningkat kepada RM25.8 bilion selaras dengan jumlah pesara dan penerima manfaat persaraan yang lebih tinggi seramai lebih kurang 812,000. Selaras dengan defisit fiskal 2018 yang lebih tinggi, bayaran khidmat hutang dianggarkan terus meningkat kepada RM30.9 bilion.

Peruntukan **DE** bagi 2018 telah disemak daripada RM46 bilion kepada RM54.9 bilion iaitu peningkatan 19.3% daripada belanjawan asal. Peningkatan ketara ini berikutan tambahan keperluan DE terutama bagi projek LRT3, perumahan dan Projek Landasan Berkembar Elektrik (EDTP). Lain-lain keperluan termasuk Rangkaian Radio Bersepadu Kerajaan (GIRN), projek lebuh raya dan pembetungan serta klasifikasi semula item berkaitan pembangunan daripada OE. Daripada jumlah peruntukan disemak, RM53.3 bilion merupakan peruntukan langsung manakala RM1.6 bilion dalam bentuk pinjaman kepada kerajaan negeri dan entiti berkaitan Kerajaan.

Kerajaan turut dapat mengurangkan sejumlah RM3.5 bilion daripada peruntukan asal. Pengurangan ini dicapai melalui langkah mengkaji semula dan menangguhkan pelaksanaan projek yang berkeutamaan rendah, projek yang belum ditawarkan dan projek bernilai melebihi RM10 juta dengan peratus kemajuan fizikal kurang daripada 15%. Selain itu, suntikan modal kepada pelbagai dana terutamanya dana mudah cara telah dikurangkan manakala projek tanpa Surat Setuju Terima turut dikaji semula. Langkah pengurangan ini dijangka memberi impak minimum kepada pelaburan Kerajaan memandangkan sebahagian besar projek masih di peringkat awal seperti pengambilalihan tanah dan seterusnya tidak memberi kesan signifikan kepada ekonomi.

Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan terus menyumbang kepada sebahagian besar pelaburan awam melalui agihan peruntukan kepada pelbagai sektor walaupun langkah rasionalisasi dilaksanakan. Sektor ekonomi merupakan penerima terbesar peruntukan DE iaitu 60.2% diikuti sektor sosial 26.4% dan keselamatan 9.7%. Peruntukan selebihnya disalurkan kepada sektor pentadbiran am iaitu 3.7% daripada jumlah peruntukan.

Peruntukan untuk *sektor ekonomi* dijangka berkembang 36.5% daripada RM24.2 bilion pada 2017 kepada RM33 bilion pada 2018. Subsektor pengangkutan, perdagangan dan industri, serta tenaga dan utiliti awam kekal sebagai tiga penerima tertinggi peruntukan DE bagi sektor ekonomi mewakili 28.2%, 12.2% dan 6.2%. Peruntukan untuk *sektor sosial* pula dijangka berkembang 16.8% kepada RM14.5 bilion. Subsektor pendidikan dan latihan serta kesihatan kekal menjadi keutamaan sektor ini.

Pada 2018, *sektor keselamatan* diperuntukkan RM5.3 bilion. Peruntukan yang lebih tinggi ini disalurkan kepada subsektor pertahanan terutama untuk pembelian peralatan dan aset ketenteraan, menaik taraf satelit komunikasi dan pembangunan kem tentera Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM). Peruntukan juga disediakan untuk pembangunan GIRN bagi subsektor keselamatan dalam negeri. Sementara itu, perbelanjaan *sektor pentadbiran am* pada 2018 dianggar berjumlah RM2 bilion terutama untuk projek ICT dan menaik taraf bangunan Kerajaan dan peralatan pejabat.

Secara keseluruhan, dari segi peruntukan DE kepada kementerian dan agensi, tiga penerima terbesar terdiri daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Perdana Menteri. Bahagian peruntukan bagi tiga agensi tersebut merangkumi 40.9% daripada jumlah keseluruhan peruntukan. Selain itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar menerima sebanyak 9.1% manakala Kementerian Pendidikan sebanyak 8.1%.

Tinjauan 2019

Kerajaan Persekutuan terus berbelanja ke arah memperkukuh dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan taraf hidup rakyat. Kecekapan, akauntabiliti dan ketelusan merupakan prinsip tadbir urus utama untuk memastikan ketelusan dan amalan baik dalam pengurusan perbelanjaan awam semasa. Oleh yang demikian, Kerajaan telah merangka belanjawan dengan melaksanakan *zero-based budgeting* selari dengan MTFF. Berdasarkan pendekatan ini, semakan semula item perbelanjaan berasaskan keperluan dan keupayaan telah dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan perbelanjaan tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan awam. Selain itu, Kerajaan turut menyemak semula peruntukan bayaran pindahan kepada badan berkanun dan syarikat berkaitan Kerajaan yang mempunyai rizab tunai tinggi. Pengurangan ini sejajar dengan usaha untuk terus memperkukuh kedudukan fiskal negara serta memastikan perbelanjaan berhemat dan penggunaan sumber awam yang cekap.

Sebanyak RM314.6 bilion diperuntukkan untuk perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada 2019. Daripada jumlah ini, RM259.9 bilion atau 82.6% akan disalurkan kepada OE manakala baki RM54.7 bilion akan dibelanjakan untuk DE. Dari segi peratusan kepada KDNK, jumlah yang diperuntukkan adalah 0.3 mata peratusan lebih tinggi daripada jumlah belanjawan 2018 disemak. Dari segi sektor, tidak termasuk perbelanjaan tanggungan dan pindahan (36.1%), 34% diperuntukkan kepada sektor sosial, diikuti sektor ekonomi (14.2%), pentadbiran am (6%) dan keselamatan (9.7%).

Peruntukan **OE** sebanyak RM259.9 bilion iaitu 10.4% lebih tinggi dari tahun sebelum dengan peruntukan terbesar adalah untuk emolumen (31.6%) diikuti bayaran khidmat hutang (12.7%), perkhidmatan dan bekalan (11.2%) serta bayaran persaraan (10.2%). Pada 2019, sebanyak RM37 bilion diperuntukkan bagi bayaran balik cukai tertunggak merangkumi RM18 bilion bayaran balik cukai pendapatan dan RM19 bilion bayaran balik GST. Sebanyak 56.7% daripada OE diperuntukkan untuk emolumen dan perbelanjaan tanggungan termasuk bayaran khidmat hutang, bayaran persaraan serta pemberian and serahan kepada kerajaan negeri di bawah Perlembagaan Persekutuan. Tiga kementerian yang menerima peruntukan tertinggi iaitu 40.3% daripada jumlah OE merangkumi Kementerian Pendidikan (selepas penggabungan dengan Kementerian Pengajian Tinggi), Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kewangan dengan peruntukan berjumlah RM55.1 bilion, RM26.5 bilion dan RM23 bilion. Selepas ditolak bayaran tanggungan dan pindahan (43.5%), sektor sosial menerima peruntukan tertinggi (35.3%) diikuti oleh keselamatan (9.1%), sektor pentadbiran am (6.1%) dan ekonomi (6%).

Emolumen pada 2019 dianggar meningkat kepada RM82 bilion. Sebanyak 67% diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan untuk bayaran emolumen bagi lebih kurang 834,000 penjawat awam terutamanya guru, doktor dan jururawat. Sementara itu, *bayaran persaraan* dijangka meningkat kepada RM26.6 bilion bagi menampung lebih kurang 836,000 pesara dan penerima manfaat persaraan pada 2019.

Perkhidmatan dan bekalan yang juga merupakan komponen utama OE dijangka berkurang kepada RM29.1 bilion iaitu 83.7% melibatkan bayaran perkhidmatan profesional, perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan, bekalan bahan mentah dan bahan lain serta sewaan pejabat. Pengurangan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh klasifikasi semula item berkaitan pelaburan modal daripada OE kepada DE dan pengurangan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan lain berikutan penyusunan semula projek dan program di bawah *zero-based budgeting*. Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan menerima peruntukan tertinggi iaitu 34.5% dan 12.8%.

Subsidi dan bantuan sosial yang merangkumi subsidi barangan dan perkhidmatan, insentif dan bantuan sosial diunjur berkurang kepada RM22.3 bilion. Pengurangan ini terutamanya disebabkan oleh pengenalan semula sistem apungan terkawal harga runcit petrol RON95 dan diesel serta penstrukturan semula bantuan tunai iaitu Bantuan Sara Hidup (BSH), sebelum ini dikenali Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Peruntukan BSH sebanyak RM5 bilion dijangka memberi manfaat kepada 4.1 juta penerima pada 2019.

Pemberian kepada badan berkanun terutamanya bagi membiayai perbelanjaan operasi termasuk emolumen serta perkhidmatan dan bekalan dianggarkan menyusut 6.5% kepada RM13 bilion. Penyusutan terutamanya disebabkan oleh pengurangan pindahan kepada entiti yang mempunyai rizab tunai tinggi selaras dengan usaha mengurangkan kebergantungan kepada geran Kerajaan. Lebih daripada separuh geran diperuntukkan kepada universiti awam dan hospital pengajar dengan matlamat utama untuk meningkatkan standard pendidikan dan latihan untuk pelajar. Kerajaan Persekutuan juga menyediakan *pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri* berjumlah RM7.6 bilion dengan RM5.5 bilion (72.5%) disalur di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Bayaran khidmat hutang atau pembayaran kupon ke atas pinjaman perlu dibayar sebelum perbelanjaan lain sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Pada 2019, bayaran khidmat hutang dijangka lebih tinggi iaitu RM33 bilion yang mencerminkan defisit terkumpul Kerajaan Persekutuan. Peratusan bayaran khidmat hutang kepada OE kekal di bawah had 15% seperti ditetapkan di bawah peraturan pentadbiran fiskal.

Kerajaan Persekutuan akan terus menyumbang kepada pelaburan awam bagi mengukuhkan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Pada 2019, sejumlah RM54.7 bilion diperuntukkan untuk **DE** iaitu penurunan marginal 0.4% daripada 2018. Jumlah ini merangkumi 24.9% daripada siling Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) disemak seperti yang telah dibentangkan dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11. Dalam memastikan pengurusan kewangan Kerajaan yang lebih berhemat, projek infrastruktur dengan kesan pengganda yang tinggi kepada ekonomi dan program berteraskan rakyat terus diberi keutamaan. Tahun 2019 merupakan *rolling plan* keempat (RP4: 2019-2020) di bawah RMKe-11 merangkumi pelbagai program dan projek yang bertujuan meningkatkan pelaburan modal, kapasiti produktif dan meningkatkan taraf hidup.

Sektor ekonomi diperuntukkan sebanyak RM29.2 bilion pada 2019 (2018: RM33 bilion) dan kekal sebagai penerima terbesar merangkumi 53.4% daripada jumlah DE. Sektor ini akan memberi tumpuan kepada sistem pengangkutan, perdagangan dan industri, tenaga dan utiliti awam serta pembangunan pertanian dan luar bandar selaras dengan inisiatif untuk meningkatkan daya saing dan rantaian nilai ekonomi. Subsektor pengangkutan akan diberikan peruntukan terbesar sebanyak RM13.4 bilion merangkumi 24.5% daripada jumlah DE (2018: RM15.5 bilion; 28.2%). Projek di bawah subsektor ini meliputi pembinaan, penyelenggaraan dan menaik taraf jalan, jambatan, rel keretapi, lapangan terbang, pelabuhan, jeti dan infrastruktur luar bandar. Infrastruktur bagi perhubungan yang lebih baik akan ditingkatkan termasuk memperluas jaringan jalan raya dan pembinaan jalan luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak serta meningkatkan keupayaan dan kecekapan lapangan terbang dan pelabuhan. Projek dalam subsektor pengangkutan seperti Lebuhraya Pan Borneo, EDTP dan pembinaan lapangan terbang baharu di Mukah, Sarawak terus dilaksanakan pada 2019.

Sebanyak RM5.7 bilion atau 10.5% daripada jumlah DE akan diperuntukkan bagi subsektor perdagangan dan industri. Strategi utama meningkatkan subsektor ini adalah memperkukuh kemudahan logistik dan fasilitasi perdagangan dengan mengadaptasi inisiatif IR 4.0 menerusi pendigitalan perkhidmatan logistik. Strategi lain merangkumi peningkatan pembangunan keusahawanan dan kapasiti industri agro. Sejajar dengan peranan PKS sebagai enjin pertumbuhan ekonomi, kapasiti dan keupayaan PKS akan terus dipertingkat di bawah Pelan Induk PKS, antaranya melalui integrasi sistem pendaftaran dan pelesenan perniagaan.

Subsektor tenaga dan utiliti awam akan menerima RM4.6 bilion atau 8.4% daripada jumlah DE. Keutamaan peruntukan disalurkan untuk menambah baik bekalan tenaga luar bandar dan utiliti awam termasuk peningkatan dan peluasan liputan bekalan air dan elektrik, menaik taraf empangan serta pembinaan loji rawatan air dan rumah pam. Subsektor alam sekitar akan diperuntukkan sebanyak RM2.1 bilion, peningkatan sebanyak 23.7% berbanding 2018 (RM1.7 bilion). Peruntukan ini disediakan antaranya untuk pembinaan lembangan sungai, menaik taraf loji rawatan kumbahan sedia ada, pemulihan sungai dan rangkaian paip pembetungan serta projek tebatan banjir di beberapa buah negeri seperti di Johor, Pahang dan Pulau Pinang.

Sektor sosial sebagai penerima DE kedua terbesar akan diperuntukkan sebanyak RM15.2 bilion. Bagi sektor ini, akses kepada perkhidmatan asas terutamanya pendidikan dan penjagaan kesihatan akan terus diperluas dalam usaha merapatkan jurang pembangunan bandar-luar bandar. Sebanyak RM8.3 bilion akan diagihkan kepada subsektor pendidikan dan latihan terutamanya menambahbaik infrastruktur sekolah serta menaik taraf kemudahan universiti dan institusi latihan. Peruntukan selebihnya bagi subsektor ini akan disalurkan kepada program R&D serta pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET).

Pada 2019, sebanyak RM2.3 bilion akan diperuntukkan kepada subsektor kesihatan terutamanya untuk membina dan menyelenggara hospital dan klinik kesihatan, menaik taraf kemudahan penjagaan kesihatan sedia ada dan memperoleh peralatan perubatan. Inisiatif ini sejajar dengan penekanan untuk menyediakan penjagaan kesihatan berkualiti dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan. Projek utama yang sedang dilaksanakan termasuk pembinaan Hospital Sri Aman, kompleks endokrin Hospital Putrajaya dan blok bertingkat baharu di Hospital Seberang Jaya.

Sebanyak RM1.7 bilion akan diperuntukkan bagi subsektor perumahan. Peruntukan ini akan digunakan untuk Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan pembinaan kuarters penjawat awam, pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai serta penyelenggaraan dan pembaikan perumahan awam. Selain itu, akses kepada perumahan mampu milik bagi kumpulan sasar akan dipertingkat menerusi pemberian insentif kepada pemaju untuk menyediakan perumahan mampu milik serta mengkaji semula dan meningkatkan akses kepada skim pembiayaan perumahan. Inisiatif ini sejajar dengan usaha Kerajaan bagi menambah baik kesejahteraan rakyat melalui penyediaan perumahan berkualiti dan mampu milik untuk golongan miskin, berpendapatan rendah dan sederhana serta meningkatkan akses kepada perumahan mampu milik bagi kumpulan sasar tersebut.

Sektor keselamatan akan diperuntukkan RM7.1 bilion untuk memperkukuh dan meningkatkan pertahanan serta keselamatan dalam negeri. Sebahagian besar peruntukan akan disalurkan untuk meningkatkan pengawasan, menaik taraf dan memperoleh peralatan bagi meningkatkan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Sebahagian daripada peruntukan ini juga akan digunakan untuk membina dan membaik pulih kuarters, kem tentera serta ibu pejabat polis daerah untuk meningkatkan tahap kebajikan anggota keselamatan.

Jadual 3.2. Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor 2017 – 2019

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2017	2018[1]	2019[2]	2017	2018[1]	2019[2]	2017	2018[1]	2019[2]
Ekonomi	**24,186**	**33,025**	**29,235**	**-3.7**	**36.5**	**-11.5**	**53.9**	**60.2**	**53.4**
antaranya:									
Pengangkutan	10,429	15,501	13,388	33.2	48.6	-13.6	23.2	28.2	24.5
Perdagangan dan industri	3,800	6,686	5,721	-21.5	75.9	-14.4	8.5	12.2	10.5
Tenaga dan utiliti awam	2,475	3,379	4,589	-15.4	36.5	35.8	5.5	6.2	8.4
Pertanian dan pembangunan luar bandar	2,219	2,191	2,278	-23.5	-1.2	3.9	4.9	4.0	4.2
Alam sekitar	2,061	1,725	2,134	-12.2	-16.3	23.7	4.6	3.1	3.9
Sosial	**12,425**	**14,507**	**15,183**	**19.1**	**16.8**	**4.7**	**27.7**	**26.4**	**27.8**
antaranya:									
Pendidikan dan latihan	6,306	7,307	8,287	69.2	15.9	13.4	14.0	13.3	15.2
Perumahan	785	1,144	1,652	-64.9	45.8	44.4	1.7	2.1	3.0
Kesihatan	1,470	1,897	2,257	-1.7	29.1	19.0	3.3	3.5	4.1
Keselamatan	**5,334**	**5,338**	**7,082**	**10.4**	**0.1**	**32.7**	**11.9**	**9.7**	**12.9**
Pentadbiran am	**2,939**	**2,030**	**3,200**	**81.4**	**-30.9**	**57.6**	**6.5**	**3.7**	**5.9**
Jumlah	**44,884**	**54,900**	**54,700**	***6.9***	***22.3***	***-0.4***	***100.0***	***100.0***	***100.0***
Bahagian kepada KDNK (%)	***3.3***	***3.8***	***3.6***						

[1] Anggaran disemak.
[2] Anggaran belanjawan, tidak termasuk langkah Belanjawan 2019.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

Sektor pentadbiran am akan diperuntukkan sejumlah RM3.2 bilion pada 2019. Peruntukan ini akan digunakan terutamanya untuk pembinaan bangunan Kerajaan baharu; pembangunan data raya dan sistem pemantauan projek; serta menaik taraf dan menyelenggara infrastruktur, sistem keselamatan dan kemudahan Kerajaan. Selain itu, akses kepada ICT akan dipertingkat untuk memanfaatkan data dan maklumat sedia ada seterusnya meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam. Program dan projek di bawah sektor ini akan menyokong usaha bersepadu Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, ketelusan dan kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Inisiatif ini seiring dengan Tonggak Pertama Kajian Separuh Penggal RMKe-11 iaitu mereformasi tadbir urus Kerajaan ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam.

Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan

Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan merupakan sebahagian daripada aset kewangan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada kemudahan pinjaman yang diberikan kepada kerajaan negeri, kerajaan tempatan, badan berkanun, syarikat, koperasi dan pelbagai organisasi. Pinjaman ini dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Akaun Hasil Yang Disatukan dan kumpulan wang amanah yang lain. Memandangkan Kerajaan masih menggunakan perakaunan asas tunai, jumlah yang dikeluarkan dari Kumpulan Wang Pembangunan diklasifikasikan sebagai pinjaman dan merupakan sebahagian daripada DE. Pinjaman ini terutamanya bagi membiayai program dan projek fizikal seperti peningkatan dan penyediaan bekalan air, rawatan air dan infrastruktur pembetungan serta pembinaan kemudahan awam dan perumahan kos rendah. Selain itu, pinjaman ini juga diberikan kepada entiti Kerajaan bagi tujuan pinjaman semula membiayai program pinjaman perniagaan kepada PKS dan usahawan mikro. Oleh itu, dasar pinjaman ini akan terus menyokong usaha untuk meningkatkan kapasiti produktif ekonomi.

Pada 31 Disember 2017, baki Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan yang dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM41.4 bilion atau 3.1% daripada KDNK. Daripada jumlah ini, 49.1% merupakan hutang oleh syarikat dengan jumlah RM20.4 bilion. Di samping itu, hutang oleh kerajaan negeri mewakili 38.2% (RM15.8 bilion), badan berkanun 11.4% (RM4.7 bilion), kerajaan tempatan 0.7% (RM0.3 bilion), pelbagai organisasi 0.6% (RM0.2 bilion) dan koperasi 0.01% (RM6.1 juta).

Pada 2018, pengeluaran pinjaman tahun semasa melalui DE dianggarkan sebanyak RM1.6 bilion iaitu berkurang sebanyak 39% berbanding RM2.6 bilion pada 2017. Penerima pinjaman terbesar merupakan syarikat yang melaksanakan projek konsesi lebuh raya di bawah inisiatif kerjasama awam swasta (PPP) iaitu 56.1% daripada jumlah yang dikeluarkan. Penerima lain merangkumi kerajaan negeri (37.2%), badan berkanun (5%) dan pelbagai organisasi (1.7%).

Dari segi bayaran balik pinjaman, sejumlah RM562.5 juta dijangka diterima pada 2018 berbanding RM785.8 juta bayaran balik pada 2017. Bayaran balik daripada kerajaan negeri, syarikat, kerajaan tempatan dan badan berkanun dianggarkan sebanyak RM353.6 juta, RM193.4 juta, RM6.8 juta dan RM2.5 juta. Baki RM6.2 juta dianggarkan akan dikutip daripada pelbagai organisasi.

Bayaran balik pinjaman oleh kerajaan negeri merangkumi 62.9% daripada jumlah bayaran balik pinjaman. Sarawak dijangka mencatatkan bayaran balik pinjaman tertinggi sebanyak RM166.8 juta atau 47.2% daripada jumlah bayaran balik oleh kerajaan negeri pada 2018. Bayaran balik pinjaman oleh syarikat merupakan 34.4% daripada jumlah keseluruhan bayaran pinjaman. Lima pembayar teratas di bawah kategori syarikat dengan anggaran jumlah bayaran balik sebanyak RM141.3 juta terdiri daripada Felcra Berhad, Perbadanan Pengurusan Aset Air Berhad, Sabah Port Sdn. Bhd., Tabung Ekonomi Usahawan Nasional (TEKUN) dan Prolintas Sdn. Bhd. Bagi kategori badan berkanun, RM2.5 juta dianggarkan diterima daripada Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).

Pada 2019, jumlah pinjaman dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dianggarkan berjumlah RM2 bilion. Jumlah ini dijangka meningkat 27% daripada RM1.6 bilion pada 2018. Pinjaman yang diberikan kepada syarikat dianggarkan berjumlah RM1.5 bilion, kerajaan negeri (RM464.8 juta), badan berkanun (RM39.2 juta) dan pelbagai organisasi (RM27 juta).

Syarikat terus menjadi penerima terbesar Pinjaman Persekutuan mewakili 73.7% daripada jumlah yang dikeluarkan. Pinjaman ini akan digunakan terutamanya untuk membiayai program dan projek yang bertujuan meningkatkan kualiti hidup, pembangunan luar bandar, kesalinghubungan jalan raya dan akses kepada pembiayaan. Program dan projek termasuk penambahbaikan bekalan air, peningkatan bekalan elektrik dan perkhidmatan telekomunikasi; projek sistem rawatan kumbahan, pemulihan tanah, penanaman semula kelapa sawit, pembinaan lebuh raya dan pemberian pinjaman kepada usahawan berskala kecil. Sementara itu, pinjaman yang diterima oleh kerajaan negeri dan badan berkanun akan digunakan antara lain untuk membiayai pembinaan dan menaik taraf kemudahan awam, bekalan air dan infrastruktur pembetungan, perumahan awam mampu milik dan kos rendah serta pembangunan wilayah dan luar bandar.

Bayaran balik pinjaman pada 2019 dianggarkan meningkat 16.6% kepada RM656.1 juta (2018: -28.4%; RM562.5 juta). Sebanyak RM407.9 juta bayaran balik dijangka daripada kerajaan negeri iaitu peningkatan sebanyak 15.4% berbanding 2018. Bayaran balik pinjaman selebihnya dijangkakan daripada syarikat berjumlah RM123.6 juta, kerajaan tempatan (RM6.9 juta), badan berkanun (RM111.5 juta) dan pelbagai organisasi (RM6.2 juta).

Rajah 3.1. Jumlah Perbelanjaan Mengikut Sektor



Rajah 3.2. Perbelanjaan Mengurus Mengikut Objek
(% kepada jumlah OE)



Rajah 3.3. Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Sektor



Rajah 3.4. Perbelanjaan Mengurus Mengikut Kementerian dan Agensi



Rajah 3.5. Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Kementerian dan Agensi



Rajah 3.6. Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Mengikut Penghutang (Akhir 2017)



Nota: 2018: Anggaran disemak.
2019: Anggaran belanjawan, tidak termasuk langkah Belanjawan 2019.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

SEKSYEN 4:

PENGURUSAN HUTANG

- Perspektif Keseluruhan
- Pembiayaan
- Hutang Kerajaan Persekutuan
- Hutang Luar
- Hutang Sektor Awam
- Tinjauan 2019

SEKSYEN 4: PENGURUSAN HUTANG

Perspektif Keseluruhan

Pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan bertujuan untuk meminimumkan kos pembiayaan jangka sederhana dan panjang di samping mengurus pendedahan risiko dan menyediakan penanda aras keluk kadar hasil untuk pasaran. Pengurusan hutang juga membantu menstabilkan serta menyokong operasi pasaran hutang dan sukuk dengan teratur. Hutang dibiayai melalui instrumen pasaran konvensional seperti Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) untuk kertas jangka panjang manakala Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) bagi sekuriti jangka pendek. Instrumen Islamik yang setara dengan konvensional terdiri daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) bagi kertas jangka panjang dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) bagi sekuriti jangka pendek. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan juga dibenarkan meminjam dalam mata wang asing melalui pinjaman projek atau pinjaman pasaran. Tujuan utama instrumen hutang Kerajaan Persekutuan ialah memperoleh dana bagi keperluan perbelanjaan pembangunan selepas mengambil kira lebihan semasa manakala terbitan MTB dan MITB bertujuan menguruskan aliran tunai Kerajaan.

Pembiayaan

Pada 2018, jumlah **pinjaman kasar** Kerajaan Persekutuan dianggarkan mencecah RM112.9 bilion atau 7.9% kepada KDNK iaitu RM53.3 bilion untuk membiayai defisit manakala baki sebanyak RM61.2 bilion untuk pembiayaan semula hutang. ***Pinjaman dalam negeri*** kekal sebagai sumber utama pinjaman iaitu 99.9% daripada jumlah pinjaman kasar manakala pinjaman luar pesisir kekal minimum 0.1%. Kecairan yang mencukupi dalam pasaran kewangan domestik hasil daripada pasaran bon Malaysia yang kukuh dan maju membolehkan Kerajaan mendapatkan keperluan pinjaman dalam mata wang tempatan. Kelebihan ini dapat mengurangkan pendedahan langsung Malaysia terhadap risiko tukaran mata wang asing dan kadar faedah. Sementara itu, bil Perbendaharaan tambahan sebanyak RM2 bilion dijangka diterbitkan bagi tujuan pengurusan aliran tunai.

Bagi pinjaman dalam negeri, terbitan MGII dijangka lebih tinggi iaitu RM63.8 bilion atau 56.5% daripada jumlah pinjaman kasar (2017: RM53.5 bilion; 46.9%). Peningkatan trend penerbitan kertas patuh Syariah menunjukkan komitmen berterusan untuk mempromosikan instrumen Islamik di samping menyediakan kepelbagaian platform bagi portfolio dan risiko pelabur. Sementara itu, terbitan MGS dijangka merangkumi 43.4% daripada jumlah pinjaman kasar atau RM49 bilion pada 2018. Dalam tempoh sedekad, peratusan terbitan MGII meningkat hampir dua kali ganda berbanding 27.3% pada 2008.

Kerajaan menerbitkan MGS dan MGII dengan pelbagai tempoh kematangan antara 3-tahun sehingga 30-tahun bagi menyediakan kecairan

Jadual 4.1. Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2017 – 2018

	RM juta		Bahagian (%)	
	2017	2018[2]	2017	2018[2]
Pinjaman kasar	**113,979**	**112,867**	***100.0***	***100.0***
Dalam negeri	**113,916**	**112,800**	***99.9***	***99.9***
MGS	60,416	49,000	53.0	43.4
MGII	53,500	63,800	46.9	56.5
Luar pesisir	**63**	**67**	***0.1***	***0.1***
Pinjaman pasaran	-	-	-	-
Pinjaman projek	63	67	0.1	0.1
Bayaran balik	**73,571**	**61,187**	***100.0***	***100.0***
Dalam negeri	73,166	60,827	99.4	99.4
Luar pesisir	405	360	0.6	0.6
Pinjaman bersih	**40,408**	**51,680**	**-**	**-**
Dalam negeri	40,750	51,973	-	-
Luar pesisir	-342	-293	-	-
Bil Perbendaharaan bersih	**-**	**2,000**	**-**	**-**
Perubahan aset[1]	**-87**	**-353**	**-**	**-**
Jumlah pembiayaan defisit	**40,321**	**53,327**	**-**	**-**

1 (+) bererti penggunaan aset; (-) bererti pertambahan aset.
2 Anggaran.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

untuk tempoh yang lebih panjang dalam keluk kadar hasil di samping membangunkan penanda aras keluk kadar hasil. Kerajaan juga telah meningkatkan penerbitan kertas berjangka sederhana dan panjang (10 tahun ke atas). Sejak 2017, terbitan kertas jangka panjang meningkat lebih separuh daripada jumlah terbitan keseluruhan. Di samping itu, terbitan kertas MGS dan MGII yang melebihi tempoh 10 tahun dijangka meningkat kepada hampir 60% pada 2018 berbanding purata 44.5% dalam tempoh tiga tahun iaitu dari 2014 hingga 2016. Terbitan ini sejajar dengan strategi pengurusan hutang untuk mengurangkan pendedahan risiko pembiayaan semula dengan memanjangkan profil kematangan hutang dan mengambil peluang ke atas permintaan kertas berjangka panjang.

Kerajaan telah menerima bidaan berjumlah RM185.8 bilion untuk terbitan RM81 bilion pada sembilan bulan pertama 2018. Purata nisbah bidaan kepada terbitan mencatat lebihan langganan melebihi 2 kali disokong oleh permintaan daripada institusi tempatan yang kukuh dan kecairan mencukupi dalam pasaran domestik. Sokongan signifikan juga diperoleh daripada pelbagai kategori pelabur seperti dana persaraan, pelabur institusi, syarikat insurans dan bank. Permintaan bidaan tertumpu kepada terbitan MGII yang mencatat purata langganan 2.316 kali berbanding MGS 2.234 kali mencerminkan peningkatan penerimaan terbitan patuh Syariah dalam kalangan pelabur.

Pada separuh pertama 2018, kadar hasil bagi MGS bertempoh matang 5-tahun berada antara 3.502% dan 3.908% manakala kadar hasil bagi 10-tahun antara 3.841% dan 4.264%. Sementara itu, kadar hasil MGII bertempoh matang 5-tahun dicatatkan antara 3.770% dan 4.040% manakala MGII 10-tahun antara 4.125% dan 4.349% bagi tempoh yang sama. Umumnya, kadar hasil MGII mencatat 5 – 30 mata asas lebih tinggi berbanding kadar hasil MGS bertempoh matang yang sama. Dalam keadaan pasaran kewangan yang stabil, permintaan tambahan daripada pelabur asing dijangka dapat menurunkan kadar hasil MGS berbanding sekuriti lain termasuk MGII yang kebanyakannya dipegang oleh pelabur tempatan. Penyertaan pelabur asing yang tinggi dalam pasaran MGS berbanding pasaran MGII sebahagiannya mencerminkan kedinamikan kadar hasil antara kedua-dua kertas tersebut.

Peningkatan trend kadar hasil pada separuh pertama 2018 didorong oleh beberapa faktor terutamanya peningkatan kadar hasil di pasaran global disebabkan oleh jangkaan normalisasi dasar monetari yang lebih cepat di AS dan ekonomi utama yang lain. Bank Negara Malaysia telah meningkatkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas pada Januari sebagai langkah awal untuk mencegah peningkatan risiko dalam suasana kadar faedah rendah seterusnya mempengaruhi kadar hasil. Selain itu, kadar hasil juga meningkat kerana para pelabur mengambil sikap berwaspada sepanjang tempoh menjelang Pilihan Raya Umum ke-14.

Kadar hasil MGS 5-tahun dan 10-tahun mulai berkurang menjelang akhir suku ketiga 2018 dengan penyusutan sebanyak 14 dan 16 mata asas berbanding akhir Jun 2018. Sementara itu, kadar hasil MGII 5-tahun dan 10-tahun juga mengecil sebanyak 9 dan 13 mata asas dalam tempoh yang sama. Prestasi ini disebabkan oleh sokongan daripada pelabur tempatan dengan nisbah bidaan kepada terbitan terus kukuh melebihi 2 kali.

Pinjaman luar pesisir kasar untuk 2018 dijangka kekal rendah berikutan ketiadaan terbitan pinjaman pasaran baharu. Sebanyak RM67 juta dijangka diperuntukkan untuk pinjaman projek dua hala yang dibiayai oleh Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) untuk membiayai program kerjasama teknikal.

Hutang Kerajaan Persekutuan

Sehingga akhir Jun 2018, **hutang Kerajaan Persekutuan** mencatat RM725.2 bilion atau 50.7% daripada KDNK iaitu lebih rendah berbanding had siling hutang iaitu 55% daripada KDNK. Hutang ini terdiri daripada 97.1% terbitan dalam negeri dengan denominasi ringgit manakala baki 2.9% merupakan pinjaman luar pesisir iaitu sebahagian besarnya dalam denominasi dolar AS. Risiko pinjaman dan pembiayaan semula oleh Kerajaan Persekutuan terurus berikutan kecairan yang tinggi dan kemajuan pasaran hutang tempatan. Di samping itu, komposisi kecil hutang dalam denominasi asing meminimumkan pendedahan Kerajaan terhadap risiko tukaran mata wang asing.

Instrumen hutang Kerajaan Persekutuan dikawal selia di bawah peraturan perundangan khusus. Instrumen hutang konvensional terdiri daripada MGS yang diterbitkan di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] manakala MTB di bawah Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188]. Selain itu, kertas sekuriti Islamik MGII dan MITB yang diterbitkan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] bertujuan menyelia instrumen dana patuh Syariah seperti diperakui Majlis Penasihat Syariah. Akta 637 dan Akta 275 memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan mendapatkan pembiayaan dalam pasaran tempatan untuk perbelanjaan pembangunan dan membiayai semula hutang yang akan matang.

Pada masa ini, kedua-dua Akta tersebut juga memperuntukkan had statutori hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan melalui terbitan MGS, MGII dan MITB tidak melebihi 55% daripada KDNK. Sehingga akhir Jun 2018, hutang terkumpul bagi instrumen berkenaan berjumlah RM671.7 bilion atau 46.9% daripada KDNK. Bagi hutang dalam denominasi bukan ringgit, Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403] mengehadkan pinjaman luar pesisir terkumpul sehingga RM35 bilion manakala Akta 188 mengehadkan hutang MTB kepada RM10 bilion. Pada akhir Jun 2018, pinjaman luar pesisir berjumlah RM21.1 bilion dan MTB RM4 bilion. Kesemua had perundangan ini menjadi mekanisme kawalan dalam memastikan pengurusan hutang yang berhemat dan mampan.

Pada akhir Jun 2018, ***hutang dalam negeri*** mencatat RM704.1 bilion terutamanya terdiri daripada MGS (RM376.7 bilion) dan MGII (RM291.5 bilion). Kertas MGS kekal sebagai instrumen utama pasaran tempatan iaitu 52% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. Manakala, peratusan MGII terkumpul dalam pasaran meningkat dua kali ganda daripada 13.9% pada 2008 kepada 40.2% pada akhir Jun 2018. Peningkatan ini berikutan usaha berterusan Kerajaan dalam mempromosi instrumen Islamik seterusnya menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa.

Bil Perbendaharaan iaitu MTB dan MITB merupakan sekuriti jangka pendek dengan tempoh matang antara 91-hari dan 364-hari yang diterbitkan secara berkala untuk mengurus aliran tunai. Pada akhir Jun 2018, Bil Perbendaharaan terkumpul berjumlah RM7.5 bilion iaitu 1% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. Komponen lain hutang dalam negeri iaitu *Sukuk*

Jadual 4.2. Garis Panduan Perundangan dan Pentadbiran Hutang

Peraturan	Statutori	Pentadbiran
Pinjaman adalah untuk membiayai perbelanjaan pembangunan sahaja	**Akta Pinjaman (Tempatan) 1959**	Baki semasa sentiasa mempunyai lebihan bagi memastikan perbelanjaan mengurus dibiayai oleh hasil
Siling hutang dalam negeri (MGS, MGII, MITB)	Tidak melebihi 55% daripada KDNK **Kertas Statut 76 Tahun 2009, Akta Pinjaman (Tempatan) 1959** dan **Akta Pendanaan Kerajaan 1983**	Had yang ditetapkan: 55% daripada KDNK
Siling pinjaman luar pesisir	Tidak melebihi RM35 bilion **Kertas Statut 77 Tahun 2009, Akta Pinjaman Luar Negeri 1963**	
Terbitan Bil Perbendaharaan konvensional	Tidak melebihi RM10 bilion **Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946**	
Had bayaran khidmat hutang (DSC)	Peruntukan bayaran khidmat hutang adalah item tanggungan dan tidak perlu dibentangkan di Parlimen **Perkara 98 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan**	DSC ≤ 15% daripada hasil atau perbelanjaan mengurus

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

Jadual 4.3. Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Instrumen 2017 – 2018

	RM juta		Bahagian (%)		Bahagian kepada KDNK (%)	
	2017	2018[1]	2017	2018[1]	2017	2018[1]
Hutang dalam negeri	**665,572**	**704,101**	***96.9***	***97.1***	***49.1***	***49.2***
Bil Perbendaharaan	4,500	7,500	0.7	1.0	0.3	0.5
MGS	364,672	376,701	53.1	52.0	26.9	26.3
MGII	268,000	291,500	39.0	40.2	19.8	20.4
Sukuk Perumahan Kerajaan	28,400	28,400	4.1	3.9	2.1	2.0
Pinjaman luar pesisir	**21,265**	**21,140**	***3.1***	***2.9***	***1.6***	***1.5***
Pinjaman pasaran	15,580	15,527	2.3	2.1	1.2	1.1
Pinjaman projek	5,685	5,613	0.8	0.8	0.4	0.4
Jumlah	**686,837**	**725,241**	***100.0***	***100.0***	***50.7***	***50.7***
Item memorandum:						
Pemegangan hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	186,266	167,602	*28.0*	*23.8*	*13.8*	*11.7*

[1] Akhir Jun 2018.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

Pinjaman Perumahan kekal berjumlah RM28.4 bilion atau 3.9% daripada jumlah hutang. Komponen ini masih ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan walaupun Bahagian Pinjaman Perumahan Kerajaan telah dikorporatkan pada 2016 dan kini dikenali sebagai Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

Pinjaman luar pesisir merangkumi pinjaman pasaran dan pinjaman projek kekal stabil sebanyak RM21.1 bilion. Keseluruhan *pinjaman pasaran* terdiri daripada terbitan sukuk global dalam denominasi dolar AS pada 2011, 2015 dan 2016. Selain itu, jumlah *pinjaman projek* sebanyak RM5.6 bilion meliputi hutang dua hala dan pelbagai hala sedia ada bagi pembiayaan projek infrastruktur seperti perumahan, pembetungan dan tadahan air.

Permintaan instrumen hutang Kerajaan Persekutuan kekal seimbang dengan pemegangan pemastautin sebanyak RM541.2 bilion atau 74.6% daripada keseluruhan jumlah hutang terkumpul manakala selebihnya dipegang oleh bukan pemastautin. ***Pelabur domestik*** utama terdiri daripada institusi yang kukuh dan berjangka panjang seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (30%), institusi perbankan (29.7%), syarikat insurans (4.6%) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (3.2%). Walaupun persekitaran luaran adalah mencabar, namun ***pemegang bukan pemastautin*** masih mempunyai pemegangan dalam kertas hutang Kerajaan Persekutuan iaitu RM184 bilion atau 25.4% daripada jumlah hutang terkumpul. Pemegang utama dalam kalangan bukan pemastautin merupakan pelabur institusi dan berjangka panjang dengan pegangan 14% merangkumi bank pusat, supranasional dan kerajaan (8%), dana persaraan (4.1%), syarikat insurans (0.7%) serta institusi dua hala dan pelbagai hala dan lain-lain (1.2%). Pemegang bukan pemastautin dalam instrumen MGS mencatat 40.1% (akhir 2017: 45.1%) daripada keseluruhan jumlah MGS terkumpul.

Selaras dengan amalan pengurusan hutang yang baik, pengurusan profil kematangan hutang penting bagi meminimumkan risiko pembiayaan semula hutang. Setelah mengambil kira terbitan instrumen hutang dalam pasaran seperti yang dijadualkan dalam 2018, purata tempoh matang dijangka meningkat kepada 7.6 tahun berbanding 7.2 tahun pada 2017. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan jumlah terbitan instrumen hutang berjangka panjang yang mempunyai kadar faedah lebih kompetitif serta kecenderungan pelabur kepada instrumen hutang berjangka panjang. Oleh itu, profil kematangan hutang lebih tertumpu kepada kertas hutang bertempoh matang lebih 10-tahun yang meningkat kepada 23% pada akhir Jun 2018 berbanding 19.2% pada 2017. Justeru, komposisi kertas hutang bertempoh matang 5-tahun dan ke bawah berkurang kepada 45.5% (akhir 2017 : 51.2%).

Jadual 4.4. Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Pemegang 2017 – 2018

	RM juta		Bahagian (%)		Bahagian kepada KDNK (%)	
	2017	2018[3]	2017	2018[3]	2017	2018[3]
Pemastautin	**484,043**	**541,181**	***70.5***	***74.6***	***35.8***	***37.8***
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	195,979	217,887	*28.5*	*30.0*	*14.5*	*15.2*
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	22,933	23,173	*3.3*	*3.2*	*1.7*	*1.6*
Syarikat insurans	31,166	33,277	*4.6*	*4.6*	*2.3*	*2.3*
Institusi perbankan	181,060	215,507	*26.4*	*29.7*	*13.4*	*15.1*
Institusi kewangan pembangunan	19,668	20,423	*2.9*	*2.8*	*1.4*	*1.4*
Institusi kewangan bukan bank	974	1,338	*0.1*	*0.2*	*0.1*	*0.1*
Lain-lain[1]	32,263	29,576	*4.7*	*4.1*	*2.4*	*2.1*
Bukan pemastautin	**202,794**	**184,060**	***29.5***	***25.4***	***14.9***	***12.9***
Pengurusan dana/aset	81,666	72,751	*11.9*	*10.0*	*6.0*	*5.1*
Bank pusat, supranasional dan kerajaaan	61,388	57,926	*8.9*	*8.0*	*4.5*	*4.0*
Institusi perbankan	13,687	9,764	*2.0*	*1.4*	*1.0*	*0.7*
Dana persaraan	31,219	29,901	*4.5*	*4.1*	*2.3*	*2.1*
Syarikat insurans	5,466	5,083	*0.8*	*0.7*	*0.4*	*0.4*
Lain-lain[2]	9,368	8,635	*1.4*	*1.2*	*0.7*	*0.6*
Jumlah	**686,837**	**725,241**	***100.0***	***100.0***	***50.7***	***50.7***

[1] Termasuk badan berkanun, syarikat penamaan dan amanah, syarikat kerjasama, sekuriti yang disimpan oleh pelabur institusi dalam bank pusat dan butiran yang tidak dapat diklasifikasikan.
[2] Termasuk syarikat penamaan/pemegang amanah, individu, syarikat bukan kewangan dan sektor yang tidak dapat diklasifikasikan.
[3] Akhir Jun 2018.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

Hutang Luar

Selaras dengan definisi IMF, **hutang luar** terdiri daripada hutang sektor awam dan swasta meliputi pinjaman luar pesisir; pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin; deposit bukan pemastautin; dan hutang luar lain. Pada akhir Jun 2018, hutang luar meningkat kepada RM936.5 bilion atau 65.4% daripada KDNK (akhir 2017: RM879.8 bilion; 65%) berikutan peningkatan pinjaman oleh syarikat awam bukan kewangan untuk membiayai aktiviti pelaburan. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada peningkatan ini diimbangi oleh pengurangan pemegangan sekuriti hutang domestik pelabur bukan pemastautin.

Pinjaman luar pesisir merupakan komponen terbesar hutang luar meningkat kepada RM586.5 bilion atau 41% daripada KDNK (akhir 2017: RM500.9 billion; 37%) disebabkan oleh pertambahan hutang jangka pendek serta hutang jangka sederhana dan panjang syarikat awam. Pembiayaan tambahan terutamanya bertujuan mengurus sumber kewangan kumpulan korporat dan pelaburan luar negara untuk meningkatkan kapasiti produktif. Walau bagaimanapun, hutang sektor swasta berjangka sederhana dan panjang berkurangan kepada RM155.1 bilion disebabkan oleh pinjaman bersih bank dan bukan bank yang lebih rendah. Sementara itu, pinjaman luar pesisir sektor awam mencatat RM138.8 bilion atau 9.7% daripada KDNK dengan sebahagian besar iaitu 88.1% merupakan pinjaman syarikat awam manakala selebihnya Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, nisbah khidmat hutang untuk pinjaman luar pesisir meningkat kepada 4.8% (2017: 4.5%) berikutan pendapatan eksport yang lebih rendah.

Sebaliknya, ***pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin*** berkurang kepada RM185.1 bilion pada akhir Jun 2018 atau 12.9% daripada KDNK (2017: RM207.4 bilion; 15.3%) disebabkan oleh jangkaan normalisasi dasar monetari AS pada kadar yang lebih cepat dan ketegangan perdagangan global. Situasi ini menyebabkan aliran keluar pemegangan bukan pemastautin yang lebih tinggi terutamanya sekuriti Kerajaan yang telah berkurang kepada 23.8% daripada jumlah terbitan (akhir 2017: 28%). Walau bagaimanapun, agihan

Jadual 4.5. Hutang Luar
2017 – 2018

	RM juta		Bahagian (%)		Bahagian kepada KDNK (%)	
	2017	2018[3]	2017	2018[3]	2017	2018[3]
Pinjaman luar pesisir	**500,901**	**586,533**	***56.9***	***62.6***	***37.0***	***41.0***
Hutang jangka sederhana dan panjang	290,995	293,915	33.0	31.4	21.5	20.5
Sektor awam	119,930	138,843	13.6	14.8	8.9	9.7
Kerajaan Persekutuan	16,567	16,459	1.9	1.8	1.2	1.1
Syarikat awam	103,362	122,384	11.7	13.0	7.7	8.6
Sektor swasta	171,066	155,073	19.4	16.6	12.6	10.8
Hutang jangka pendek	209,905	292,618	23.9	31.2	15.5	20.5
Pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	**207,389**	**185,106**	***23.6***	***19.8***	***15.3***	***12.9***
Hutang jangka sederhana dan panjang	196,074	176,370	22.3	18.8	14.5	12.3
Kerajaan Persekutuan	182,855	164,954	20.8	17.6	13.5	11.5
Lain-lain[1]	13,220	11,417	1.5	1.2	1.0	0.8
Hutang jangka pendek	11,314	8,736	1.3	1.0	0.8	0.6
Deposit bukan pemastautin	**91,093**	**85,625**	***10.4***	***9.1***	***6.7***	***6.0***
Lain-lain[2]	**80,386**	**79,224**	***9.1***	***8.5***	***6.0***	***5.5***
Jumlah	**879,768**	**936,489**	***100.0***	***100.0***	***65.0***	***65.4***

[1] Termasuk sektor awam dan syarikat awam.
[2] Termasuk kredit perdagangan, peruntukan Hak Pengeluaran Khas IMF dan lain-lain.
[3] Akhir Jun 2018.
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

hutang luar kekal seimbang meliputi pelbagai profil kematangan iaitu 48% kertas jangka pendek manakala kertas jangka sederhana dan panjang merangkumi 52% daripada jumlah keseluruhan.

Hutang Sektor Awam

Hutang sektor awam meliputi obligasi hutang semua peringkat kerajaan termasuk Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan syarikat awam bukan kewangan (SABK) termasuk jaminan Kerajaan kepada entiti sektor awam. Liputan hutang sektor awam yang komprehensif merupakan aspek penting dalam pengurusan hutang berhemat bagi mengukur potensi pendedahan risiko terhadap kewangan sektor awam. Pendekatan ini membantu Kerajaan mengambil langkah konstruktif dan menyeluruh dalam mengurus dan mengurangkan paras hutang.

Pada akhir Disember 2017, hutang sektor awam mencatat peningkatan kepada RM989.2 bilion atau 73.1% daripada KDNK (akhir Disember 2016: RM901.2 bilion; 73.2%) dengan hutang Kerajaan Persekutuan sebagai komponen terbesar iaitu RM686.8 bilion atau 69.5%. Hutang SABK meningkat kepada RM242.8 bilion atau 24.5% daripada jumlah hutang (akhir 2016: RM204 bilion; 22.7%) manakala baki 6% ialah hutang badan berkanun. Sebahagian besar hutang SABK bertujuan untuk pelaburan projek infrastruktur terutamanya transit aliran massa (MRT) dan pemanjangan laluan transit aliran ringan (LRT). Sementara itu, hutang badan berkanun meningkat kepada RM59.6 bilion (akhir 2016: RM48.7 bilion) terutamanya disebabkan oleh terbitan hutang LPPSA dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang dijamin Kerajaan bagi membiayai pinjaman perumahan penjawat awam dan projek perumahan PR1MA.

Tinjauan 2019

Dalam Belanjawan 2019, keperluan pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat untuk membiayai defisit dan pembiayaan semula kertas matang. Sebanyak RM70 bilion hutang dianggar akan matang pada 2019

Jadual 4.6. Hutang Sektor Awam
2016 – 2017

	RM juta		Bahagian (%)		Bahagian kepada KDNK (%)	
	2016	**2017**	**2016**	**2017**	**2016**	**2017**
Kerajaan Persekutuan	**648,475**	**686,837**	***71.9***	***69.5***	***52.7***	***50.7***
Dalam negeri	624,822	665,572	69.3	67.3	50.8	49.1
Luar pesisir	23,653	21,265	2.6	2.2	1.9	1.6
Badan berkanun	**48,700**	**59,638**	***5.4***	***6.0***	***3.9***	***4.4***
Dalam negeri	48,700	59,638	5.4	6.0	3.9	4.4
antaranya: Dijamin	48,700	59,638	5.4	6.0	3.9	4.4
Luar pesisir	-	-	-	-	-	-
Syarikat awam bukan kewangan	**204,025**	**242,759**	***22.7***	***24.5***	***16.6***	***18.0***
Dalam negeri	123,893	149,065	13.8	15.1	10.1	11.0
antaranya: Dijamin	123,893	149,065	13.8	15.1	10.1	11.0
Luar pesisir	80,132	93,694	8.9	9.4	6.5	7.0
antaranya: Dijamin	4,657	19,588	0.5	2.0	0.4	1.4
Jumlah	**901,200**	**989,234**	***100.0***	***100.0***	***73.2***	***73.1***

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

dan sekitar 25% akan ditebus pada separuh pertama 2019 mencerminkan risiko pembiayaan semula yang lebih rendah dalam jangka masa terdekat. Walaupun terdapat keperluan pinjaman yang lebih tinggi, namun purata keperluan pembiayaan kasar kepada KDNK pada 2019 dianggarkan jauh lebih rendah daripada had purata 15% IMF untuk ekonomi yang berkembang pesat. Sementara itu, Kerajaan sedang meneroka pasaran antarabangsa bagi mempelbagaikan portfolio, menetapkan penanda aras baharu dan menggalakkan aktiviti perdagangan dalam pasaran kewangan. Melangkah ke hadapan, Kerajaan bermatlamat untuk mengurangkan paras hutang secara berperingkat tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Justeru, penting untuk Kerajaan mengimbangi keperluan mewujudkan ruang fiskal dan mematuhi peraturan pengurusan hutang demi mencapai kesemua objektif tersebut.

Rajah 4.1. Komposisi Hutang Kerajaan Persekutuan



Rajah 4.2. Terbitan Mengikut Tempoh Kematangan



Rajah 4.3. Nisbah Bidaan kepada Terbitan (BTC) MGS dan MGII



[1] Akhir September 2018.

Rajah 4.4. Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Pemegang (Akhir Jun 2018)



Rajah 4.5. Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



[1] Akhir September 2018.

Rajah 4.6. Pemegangan Hutang dalam Denominasi Ringgit oleh Bukan Pemastautin



[1] Akhir September 2018.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bloomberg.

SEKSYEN 5:
RISIKO FISKAL DAN LIABILITI

- Perspektif Keseluruhan

  Rencana – Pengurusan Risiko Fiskal

- Jaminan Kerajaan
- Kerjasama Awam Swasta
- Kedudukan Hutang dan Liabiliti

SEKSYEN 5: RISIKO FISKAL DAN LIABILITI

Perspektif Keseluruhan

Instrumen dasar fiskal bukan sekadar meliputi pengurusan hasil dan perbelanjaan malah merangkumi instrumen fiskal lain terutamanya kerjasama awam swasta (PPP) dan jaminan kerajaan (GG) seperti yang digunakan kebanyakan ekonomi maju untuk melabur dalam projek infrastruktur awam. Pelaburan awam melalui inisiatif *off-budget* dilaksanakan untuk mempergiat pembangunan ekonomi dan mencapai outcome sosioekonomi yang disasarkan. Berikutan pertambahan program dan projek melalui inisiatif ini, terdapat keperluan untuk menilai risiko fiskal khususnya yang berpunca daripada liabiliti luar jangka. Dalam konteks Malaysia, antara sumber risiko fiskal bagi Kerajaan meliputi GG, PPP dan liabiliti luar jangka yang lain. Risiko fiskal ini perlu dikenal pasti, dinilai dan dilaporkan untuk memberikan gambaran komprehensif mengenai kedudukan kewangan Kerajaan. Penilaian dan pelaporan yang komprehensif mengenai risiko dan liabiliti fiskal penting untuk kemampanan ekonomi dan fiskal negara.

Rencana

Pengurusan Risiko Fiskal

Pengenalan

Sejak merdeka, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan 12 rancangan pembangunan lima tahun dengan matlamat untuk mencapai pembangunan ekonomi dan meningkatkan taraf kesejahteraan hidup rakyat. Malaysia telah membangun secara berperingkat bermula daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada negara perindustrian dengan struktur ekonomi yang pelbagai serta pendapatan per kapita sebanyak USD9,828 pada akhir 2017. Inisiatif pembangunan Kerajaan melalui instrumen fiskal merupakan antara elemen teras yang menyumbang kepada peralihan struktur ekonomi negara. Walau bagaimanapun, penggunaan instrumen fiskal secara berlebihan akan meningkatkan pendedahan risiko fiskal terutamanya dari segi hutang dan liabiliti.

Secara umumnya, risiko fiskal didefinisikan sebagai kebarangkalian perbezaan kedudukan fiskal sebenar berbanding anggaran semasa penyediaan bajet atau unjuran lain. Ekonomi dan perdagangan global yang semakin saling berhubungkait menyebabkan ekonomi Malaysia lebih terdedah kepada risiko luaran dan dalaman, seterusnya mempengaruhi sasaran fiskal dan kedudukan hutang negara. Sehubungan itu, adalah penting bagi Kerajaan mengenal pasti dan menguruskan risiko fiskal secara komprehensif untuk memastikan kemampanan kedudukan fiskal dan tahap keberhutangan negara. Dasar fiskal dan monetari yang efektif akan membolehkan negara mengekalkan kestabilan makro dan terus berdaya saing pada peringkat global.

Selaras dengan tekad untuk mencapai matlamat pembangunan negara, Kerajaan perlu memastikan ruang fiskal yang mencukupi dan mengukuhkan keyakinan pelabur. Walaupun Malaysia mempunyai asas ekonomi yang kukuh, namun, pasaran mata wang dan kewangan negara terdedah kepada persepsi pelabur terutamanya berkaitan tadbir urus dan tindakan Kerajaan memandangkan negara merupakan ekonomi terbuka. Volatiliti arah aliran modal akan meningkatkan premium risiko dan memberi kesan kepada kos menjalankan perniagaan seterusnya menjejaskan ekonomi dan pasaran kewangan. Situasi ini boleh mengganggu keseimbangan fiskal dan kedudukan hutang negara di samping menjejaskan agenda pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Sumber Risiko Fiskal

Aspek asas dalam menguruskan pendedahan risiko fiskal secara berkesan adalah mengenal pasti sumber risiko fiskal. Berdasarkan rangka kerja konseptual Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), terdapat tiga kategori utama risiko fiskal iaitu risiko ekonomi am, risiko spesifik dan risiko struktur atau institusi. Setiap komponen ini tersebut perlu dinilai terutamanya dari segi pendedahan terhadap kedudukan fiskal dan hutang negara.

a. Risiko ekonomi am

Kategori ini merujuk kepada impak daripada perbezaan kedudukan ekonomi dan fiskal sebenar berbanding anggaran semasa penggubalan bajet yang akan mempengaruhi sasaran fiskal dan hutang pada tahun tersebut. Sebagai contoh, sekiranya berlaku krisis ekonomi atau ketidakstabilan harga komoditi, kutipan hasil dan perbelanjaan subsidi berkaitan minyak akan turut berubah mengikut harga minyak dunia. Di samping itu, risiko fiskal juga berpunca daripada komponen makroekonomi lain seperti inflasi, kadar tukaran mata wang asing dan kadar faedah yang boleh menjejaskan sesebuah negara sekiranya mempunyai kadar hutang luar negeri yang tinggi.

b. Risiko spesifik

Risiko fiskal bagi kategori ini tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan unjuran ekonomi tetapi bersifat unik bagi setiap negara. Walau bagaimanapun, risiko spesifik turut menyumbang kepada ketidakpastian kedudukan fiskal. Komponen lazim dalam kategori ini adalah liabiliti luar jangka yang merujuk kepada obligasi untuk membuat bayaran apabila berlaku sesuatu peristiwa atau situasi tertentu. Obligasi ini boleh dinyatakan secara eksplisit melalui dasar kerajaan atau perundangan mahupun secara implisit disebabkan keperluan atau desakan untuk memberi sokongan.

Di Malaysia, liabiliti luar jangka eksplisit terdiri daripada jaminan kerajaan (GG), komitmen kerjasama awam swasta (PPP) dan juga tuntutan perundangan terhadap Kerajaan Persekutuan melalui syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau syarikat bertujuan khas (SPV). Senarai GG diterbitkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun. Liabiliti luar jangka implisit pula adalah jenis risiko yang tidak jelas serta kompleks untuk diukur dan dikenal pasti. Risiko ini merujuk kepada komitmen fiskal yang wujud disebabkan oleh jangkaan rakyat, kepentingan negara atau bagi menangani kegagalan pasaran. Sebagai contoh, sokongan atau bantuan perlu disediakan kepada institusi kewangan sekiranya berlaku krisis kewangan atau mangsa bencana alam berikutan kejadian banjir atau tanah runtuh.

c. Risiko struktur atau institusi

Kategori ini merujuk kepada aspek struktur dalam pengurusan kewangan awam yang boleh mengekang keberkesanan pengurusan risiko fiskal negara. Antara sumber risiko bagi kategori ini adalah struktur hasil atau perbelanjaan, sistem pengurusan bajet dan maklumat yang tidak simetri. Sebagai contoh, risiko hasil wujud sekiranya sesebuah negara terlalu bergantung kepada hasil berasaskan komoditi ataupun sumber hasil yang tidak pelbagai. Selain itu, proses penyediaan bajet yang terlalu fleksibel atau terlalu ketat boleh meningkatkan risiko fiskal apabila berlaku ketidaktentuan atau kejutan luaran. Di samping itu, pengurus risiko fiskal tidak dapat mengesyorkan langkah berkesan untuk mengatasi risiko disebabkan instrumen fiskal yang tidak mencukupi serta kekurangan maklumat yang berkualiti dan tepat pada masa.

Jenis Risiko Fiskal



Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa.

Rangka Kerja Semasa

Kerajaan telah menetapkan mekanisme kawalan dalam bentuk peraturan fiskal dan hutang bertujuan mengawal kedudukan fiskal dan serta mengehadkan tahap keberhutangan. Melalui Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983, pinjaman terkumpul Kerajaan Persekutuan untuk perbelanjaan pembangunan dihadkan pada kadar 55% daripada KDNK. Di samping itu, Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 turut mengehadkan hutang dalam denominasi mata wang asing pada RM35 bilion dan amaun maksimum bil Perbendaharaan konvensional pada RM10 bilion.

Kerajaan juga tertakluk kepada beberapa garis panduan pentadbiran bagi mengukuhkan lagi disiplin fiskal. Antaranya, baki semasa mesti mencatatkan lebihan, iaitu hasil perlu sentiasa melebihi perbelanjaan mengurus. Lebihan semasa itu digunakan untuk membiayai sebahagian daripada perbelanjaan pembangunan. Garis panduan ini bertujuan memastikan perbelanjaan mengurus dibiayai melalui hasil manakala pinjaman hanya untuk perbelanjaan pembangunan. Bayaran khidmat hutang pula tidak boleh melebihi 15% daripada hasil atau perbelanjaan mengurus bagi memastikan kemampuan untuk berhutang dan perbelanjaan yang produktif. Di samping itu, bayaran ini diklasifikasikan sebagai perbelanjaan tanggungan yang diberi keutamaan berbanding perbelanjaan lain.

Kementerian Kewangan telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan dua jawatankuasa utama iaitu Jawatankuasa Kewangan Awam dan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai. Jawatankuasa Kewangan Awam dipengerusikan oleh Menteri Kewangan dan ahlinya terdiri daripada Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Gabenor Bank Negara dan pegawai kanan Kerajaan. Mandat utama jawatankuasa ini adalah bertujuan memperkukuh struktur institusi pengurusan fiskal negara. Jawatankuasa peringkat tinggi ini akan membincangkan isu-isu penting berkaitan fiskal termasuk pelan mitigasi dalam pengurusan risiko fiskal. Objektif Jawatankuasa Pembaharuan Cukai pula bertujuan menambah baik struktur percukaian dan memperluas asas hasil negara.

Amalan Terbaik dan Melangkah ke Hadapan

Dalam persekitaran ekonomi global dan hubungan perdagangan global yang semakin kompleks dan saling berhubung kait, setiap negara perlu dilengkapi dengan instrumen dan sumber yang mencukupi dalam mengurus risiko fiskal. Walaupun ciri risiko fiskal adalah berbeza bagi setiap negara, namun komponen dan faktor fiskal adalah sama terutamanya dalam bentuk sumber seperti hasil dan perbelanjaan, peranan peraturan fiskal, ketersediaan dan analisisa maklumat serta keupayaan modal insan. Di samping itu, pengurusan risiko secara komprehensif juga melibatkan proses utama yang sama meliputi pengenalpastian risiko, penilaian dan mitigasi risiko serta pelaksanaan dan semakan semula dasar.

Institusi antarabangsa seperti IMF, Bank Dunia, dan Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) telah menjalankan kajian serta menggariskan beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan berdasarkan amalan terbaik dan pengalaman beberapa negara. Memandangkan kejutan fiskal antara negara saling berkait, IMF secara aktif menyokong serta menggalakkan negara anggotanya untuk menambah baik analisis dan pengurusan risiko fiskal. Bantuan teknikal yang disediakan oleh IMF termasuk penyediaan lembaran imbangan sektor awam; pembangunan institusi dan kapasiti untuk mengenal pasti risiko fiskal yang spesifik dan menilai kesannya; menjalankan ujian ketahanan fiskal; dan mengambil kira elemen risiko dalam sasaran fiskal jangka masa sederhana.

Penggubalan rangka kerja fiskal yang kukuh dan komprehensif merupakan asas penting untuk memastikan keberkesanan dasar fiskal. Walaupun peraturan fiskal sedia ada telah menyokong pelaksanaan agenda pembangunan negara, namun terdapat keperluan yang mendesak untuk menambah baik dan memperkukuh lagi rangka kerja fiskal terutamanya dalam era pendigitalan serta persekitaran ekonomi global yang tidak menentu. Cadangan amalan terbaik yang boleh diguna pakai dalam rangka kerja fiskal antaranya adalah seperti berikut:

a. IMF Fiscal Transparency Code

Kod ini menetapkan prinsip ketelusan berdasarkan kepada empat asas utama iaitu pelaporan fiskal; unjuran dan belanjawan; analisis dan pengurusan risiko; dan pengurusan sumber hasil. Dalam pengurusan risiko fiskal, kerajaan disarankan supaya melapor, menganalisis dan mengurus risiko untuk memastikan keberkesanan penyelarasan dan pelaksanaan keputusan dasar fiskal bagi keseluruhan sektor awam.

b. Rangka kerja perundangan dan pentadbiran yang jelas

Rangka kerja perundangan adalah penting bagi memastikan keberkesanan pengurusan risiko terutamanya dari segi penetapan peranan dan tanggungjawab yang jelas. Rangka kerja dan parameter fiskal yang jelas akan menjadi panduan dalam pentadbiran hasil, pelaburan, komitmen dan penggunaan dana awam. Beberapa negara telah menggubal undang-undang berkaitan tanggungjawab dan tadbir urus dasar fiskal serta menetapkan peraturan fiskal yang berkaitan dengan had defisit, hutang, jaminan dan lain-lain komitmen liabiliti luar jangka. Di samping itu, terdapat keperluan untuk menyelaras dan mengambil kira semua risiko ke dalam belanjawan terutamanya pendedahan liabiliti luar jangka dan syarikat milik kerajaan bagi memastikan rangka kerja belanjawan yang lebih komprehensif.

c. Penyelarasan institusi

Komponen utama bagi kategori ini adalah dasar pengurusan risiko, penubuhan badan kawal selia dan struktur akauntabiliti yang akan menentukan entiti yang bertanggungjawab dalam memantau risiko fiskal. Justeru, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Risiko Fiskal dan Liabiliti Luar Jangka untuk memantau dan menyelaras pengurusan risiko fiskal dengan lebih baik.

d. Ketersediaan dan analisis maklumat

Senarai komponen utama risiko fiskal yang komprehensif perlu dikumpul dan dianalisis dari segi pendedahannya terhadap kedudukan fiskal. IMF turut mencadangkan supaya setiap negara anggota melaksanakan ujian ketahanan bagi mengukur daya tahan rangka kerja fiskal. Di samping itu, kaedah penilaian dan pemantauan yang lebih terperinci perlu diguna pakai dalam menganalisis setiap inisiatif pelaburan dan program fiskal bagi mengawal dan menyediakan langkah mitigasi risiko fiskal. Bagi tujuan ini, Kerajaan komited untuk melaksanakan perakaunan akruan yang akan melaporkan kedudukan keseluruhan aset dan liabiliti Kerajaan. Selain itu, penerbitan Penyataan Risiko Fiskal akan dikaji dalam usaha menambah baik analisis risiko fiskal.

Kesimpulan

Kerajaan mengiktiraf keperluan untuk menambah baik pengurusan risiko fiskal dan mewujudkan rangka kerja fiskal yang lebih mantap. Di samping itu, Kerajaan bertekad melaksanakan langkah fiskal yang lebih berhemat dan bertanggungjawab selaras dengan komitmen untuk mengurangkan lagi risiko pendedahan hutang dan liabiliti negara. Kaedah sedia ada untuk meningkatkan kecekapan hasil dan perbelanjaan masih belum menyeluruh dan perlu dilengkapi dengan rangka kerja pengurusan risiko fiskal yang lebih strategik serta berpandangan jauh. Berteraskan kepada prinsip kecekapan, akauntabiliti dan ketelusan, Kerajaan akan mempergiat inisiatif tadbir urus fiskal bagi mengukuhkan disiplin fiskal ke arah menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Rujukan:

Budina, N. & Petrie, M. (2013). Managing and Controlling Fiscal Risks Chapter 5 (pp.175–204) Public Financial Management and Its Emerging Architecture, International Monetary Fund.

Cebotari, A., Davis, J., Lusinyan, L., Mati, A., Mauro, P., Petrie, M. & Velloso, R. (2009). Fiscal Risks: Sources, Disclosure, and Management, International Monetary Fund.

Eyraud, L., Debrun, X., Hodge, A., Lledo, V. & Pattillo, C. (2018). Second-Generation Fiscal Rules: Balancing Simplicity, Flexibility, and Enforceability, International Monetary Fund.

Hemming, R. & International Monetary Fund. (2006). Public-private partnerships, government guarantees, and fiscal risk. International Monetary Fund.

IMF (2016). Analyzing and Managing Fiscal Risks – Best Practices, IMF Policy Paper, International Monetary Fund.

Kumar, M., Baldacci, E., Schaechter, A., Caceres, C., Kim, D., Debrun, X., Escolano, J., Jonas, J., Karam, P., Yakadina, I. & Zymek, R. (2009). Fiscal Rules-Anchoring Expectations for Sustainable Public Finances, IMF Staff Paper, International Monetary Fund.

Jaminan Kerajaan

Jaminan Kerajaan tertakluk di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96]. Akta ini membenarkan Kerajaan memberi jaminan ke atas pinjaman atau pembiayaan yang diterbitkan oleh badan korporat atau entiti tertentu iaitu badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan serta syarikat kerajaan negeri atau anak syarikat. Entiti yang menerima fasiliti GG bertanggungjawab ke atas obligasi pinjaman manakala Kerajaan merupakan penanggung obligasi kedua atau penjamin. Selain itu, Seksyen 8 Akta 96 turut memperuntukkan supaya entiti bertanggungjawab membayar semula liabiliti (termasuk faedah atau kadar keuntungan) yang ditanggung oleh Kerajaan di bawah GG. Kemudahan GG membolehkan entiti mendapat pinjaman dengan terma yang lebih baik seperti kadar kupon yang lebih rendah dan memberi ruang kepada entiti untuk mengurus pendedahan risiko.

Pada akhir Jun 2018, jumlah hutang GG terkumpul mencatat RM258.4 bilion atau 18.1% daripada KDNK (akhir 2017: RM238.2 bilion; 17.6%). Sebahagian besar GG yang diluluskan dalam tempoh tersebut bertujuan membiayai projek infrastruktur termasuk transit aliran massa (MRT), transit aliran ringan (LRT), Lebuhraya Pan Borneo dan Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL). Jaminan juga diberikan kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang mengurus pinjaman pendidikan tertiari dan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) bagi pinjaman perumahan penjawat awam. Sekitar 90% daripada jaminan pinjaman terkumpul adalah dalam denominasi ringgit manakala selebihnya renminbi, yen dan dolar AS. Keadaan ini membolehkan pendedahan risiko terhadap kadar tukaran mata wang asing diminimumkan.

Pada akhir Jun 2018, GG terkumpul sektor infrastruktur merangkumi 47.8% diikuti oleh perkhidmatan (22.7%), pegangan pelaburan (13%), utiliti (11.1%), kewangan (3.8%) dan perladangan (1.6%). Purata profil kematangan bagi GG adalah 8 tahun dengan 58% daripada jumlah GG dijangka matang dalam tempoh 10 tahun manakala selebihnya 10 tahun dan ke atas.

Fasiliti GG disediakan kepada program sosioekonomi seperti pelajaran dan perumahan. Sebagai contoh, PTPTN merupakan penerima GG untuk program berorientasikan sosial. Pemberian GG kepada PTPTN membolehkan penerbitan dana yang mencukupi untuk skim pembiayaan pendidikan tertiari. Fasiliti GG dapat mengurangkan kos pembiayaan seterusnya membolehkan PTPTN menyalurkan pinjaman dengan hanya mengenakan kadar ujrah minimum 1% bagi membantu mengurangkan beban bayaran balik peminjam. Fasiliti GG juga diberikan kepada LPPSA agar mendapat pinjaman pada kadar rendah bagi membiayai pinjaman perumahan penjawat awam. Risiko pinjaman adalah rendah dengan aliran tunai yang terjamin kerana bayaran balik pinjaman perumahan tersebut dibuat

Jadual 5.1. 10 Jaminan Pinjaman Utama pada akhir Jun 2018

	RM juta	Bahagian (%)	Bahagian kepada KDNK (%)
Jumlah jaminan pinjaman	**258,392**	***100.0***	***18.1***
antaranya:			
DanaInfra Nasional Bhd	48,380	*18.7*	*3.4*
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	38,450	*14.9*	*2.7*
Prasarana Malaysia Bhd	28,414	*11.0*	*2.0*
Malaysia Rail-Link Sdn Bhd	19,020	*7.4*	*1.3*
Khazanah Nasional Bhd	17,000	*6.6*	*1.2*
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	13,750	*5.3*	*1.0*
Pengurusan Air SPV Bhd	13,310	*5.1*	*0.9*
Projek Lebuhraya Usahasama Bhd	11,000	*4.3*	*0.8*
Suria Strategic Energy Resources Sdn Bhd	8,049	*3.1*	*0.5*
GovCo Holdings Bhd	7,300	*2.8*	*0.5*
Jumlah	**204,673**	***79.2***	***14.3***

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

melalui potongan gaji dan cagaran hartanah kepada LPPSA. Oleh itu, kebarangkalian pinjaman GG mungkir adalah sangat minimum.

Selain itu, fasiliti GG juga disediakan untuk projek infrastruktur awam seperti rel, jambatan bertol dan lapangan terbang. Walau bagaimanapun, Kerajaan perlu menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk kupon atau bayaran keuntungan semasa tempoh pembinaan dan pada peringkat awal operasi disebabkan aliran pendapatan yang tidak mencukupi terutamanya untuk operasi perkhidmatan rel. Bantuan kewangan ini diambil kira sebagai GG yang perlu ditanggung Kerajaan. Sebagai contoh, DanaInfra Nasional Bhd (DanaInfra) mendapatkan dana bagi pembangunan infrastruktur MRT manakala Kerajaan menyediakan peruntukan tahunan untuk membayar pinjaman serta khidmat hutang DanaInfra memandangkan hasil kutipan tambang masih tidak mencukupi kerana perkhidmatan MRT baru beroperasi. Peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan bertujuan memastikan kelancaran pelaksanaan dan operasi. Pemberian GG bukan sahaja untuk mendapatkan pembiayaan pada kadar rendah tetapi juga bagi memastikan rakyat menikmati kadar tambang berpatutan seterusnya mengurangkan kos pengangkutan, menggalakkan penggunaan pengangkutan awam serta mengurangkan pelepasan karbon.

Projek infrastruktur pengangkutan awam lain yang menerima peruntukan seumpama ini termasuk Prasarana Malaysia Bhd dan Jambatan Kedua Sdn Bhd. Entiti tersebut menerima bantuan atau geran daripada Kerajaan melalui perbelanjaan operasi (item pindahan) dan dimasukkan dalam belanjawan. Jumlah peruntukan ditentukan berdasarkan keperluan aliran tunai dan tidak semestinya secara tetap atau tahunan. Hutang GG ini diambil kira sebagai obligasi Kerajaan kerana Kerajaan menanggung sebahagian daripada aliran tunai entiti tersebut. Walaupun hutang entiti yang terlibat masih belum mungkir, namun amalan ini adalah bagi memastikan pengurusan hutang yang lebih berhemat. Projek ECRL serta Trans-Sabah Gas Pipeline dan Multi-Product Pipeline yang sedang dikaji semula menyebabkan fasiliti GG bagi projek tersebut diambil kira sebagai obligasi langsung Kerajaan. Pada akhir Jun 2018, GG yang perlu ditanggung Kerajaan dianggarkan berjumlah RM117.5 bilion atau 8.2% daripada KDNK.

Kerjasama Awam Swasta

Sejarah PPP di Malaysia bermula sejak 1980-an dengan pengenalan Dasar Pensyarikatan Malaysia pada 1981 dan Dasar Penswastaan pada 1983. Dasar berkenaan diperkenalkan sebagai usaha mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan. Pada masa sama, dasar tersebut dapat mengeratkan kerjasama dan menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan negara dengan matlamat strategik untuk meningkatkan daya saing Malaysia.

Inisiatif PPP merupakan perkongsian pintar antara Kerajaan dan sektor swasta bertujuan menyediakan infrastruktur awam, kemudahan komuniti dan perkhidmatan yang berkaitan. Umumnya, PPP melibatkan perkongsian pelaburan, risiko, tanggungjawab dan ganjaran antara rakan kongsi. Objektif utama kerjasama ini diwujudkan bertujuan memastikan kecekapan pelaksanaan reka bentuk, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan infrastruktur untuk meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat. Sejak diperkenalkan, PPP telah memainkan peranan penting sebagai sebahagian daripada perancangan ekonomi negara dalam pelaburan infrastruktur dan perkhidmatan. Kecekapan pelaksanaan projek PPP memberikan nilai faedah terbaik kepada rakyat.

Dalam konteks Malaysia, PPP umumnya terdiri daripada penswastaan dan inisiatif pembiayaan swasta (PFI). Kaedah penswastaan termasuk penjualan aset atau ekuiti, pengkorporatan, pertukaran tanah, Bina-Kendali-Pindah (BOT), Bina-Kendali-Milik (BOO), kontrak penyumberan luar/pengurusan dan pajakan. Kaedah PFI pula termasuk Bina-Pajak-Pindah (BLT), Bina-Pajak-Selenggara-Pindah (BLMT) dan Bina-Pajak-Selenggara-Kendali-Pindah (BLMOT). Sehingga kini, Malaysia telah berjaya melaksanakan lebih daripada 400 projek PPP dalam pelbagai sektor.

Pada akhir Jun 2018, terdapat 100 projek PPP melibatkan komitmen Kerajaan berjumlah RM135.1 bilion dengan tempoh konsesi antara 10 hingga 30 tahun dan komitmen pembayaran terakhir pada 2047. Kebanyakan komitmen PPP Kerajaan merupakan pembayaran untuk kontrak BLMT yang melibatkan 48 projek. Obligasi ini merangkumi caj ketersediaan (availability), caj penyelenggaraan, caj penggantian aset dan lain-lain caj berkaitan.

Inisiatif PPP telah digunakan secara meluas merentasi sektor sosial, pentadbiran am, ekonomi dan keselamatan. **Sektor sosial** melibatkan 49 projek dengan komitmen sebanyak RM55 bilion atau 40.7% iaitu termasuk kampus politeknik dan UiTM, Hub Pendidikan Tinggi Pagoh dan perkhidmatan sokongan hospital. **Sektor pentadbiran am** yang merupakan sektor kedua terbesar meliputi 29 projek dengan komitmen sebanyak RM38.6 bilion atau 28.6%. Projek tersebut termasuk pembinaan bangunan Kerajaan, Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (MyGov*Net) dan Sistem Pengurusan *Fleet* Kenderaan. **Sektor ekonomi** pula melibatkan 15 projek dengan jumlah komitmen RM37.9 bilion atau 28% termasuk Terminal Pengangkutan Bersepadu Gombak; kompleks perikanan di Kuching, Sarawak; dan penyelenggaraan jalan persekutuan. Sementara itu, **sektor keselamatan** merangkumi 2.7% atau RM3.6 bilion terdiri daripada tujuh projek termasuk pembangunan kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin di Bukit Kayu Hitam, Kedah; Sistem Penguatkuasaan dan Pendaftaran Negara (Sistem Biometrik); dan pembangunan pangkalan kapal.

